

Jilid I
Bil. 18



Hari Khamis
30hb Oktober, 1986

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 2353]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1987 [Ruangan 2389]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1987 [Ruangan 2389]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.I., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

.. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P.(Labis).

.. Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

.. Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beras).

.. Menteri Penerangan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RIITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

.. Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

.. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

.. Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

.. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

.. Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

.. Menteri Pertahanan, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Menteri Luar Negeri, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

.. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

- Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- .. Menteri Pelajaran, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- .. Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- .. Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- .. Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).
- .. Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- .. Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- .. Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIANDRAN (Kapar).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- .. Timbalan Menteri Perumahan Utama, DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMED YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAL, A.M.P. (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- .. Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARA BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO KOK WEE KIAT (Selandar).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN WOON SEE CHIN, P.I.S., A.M.N. (Senai).
- .. Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN (Raub).

.. Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN (Baling).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

.. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN (Taph).

.. TUAN ABDUL MULO K AWANG DAMIT (Labuan).

.. TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).

.. DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).

.. DATU ABDUL HAMID BIN TUN DATU HAJI MUSTAPHA (Limbawang).

.. TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

.. TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULAIMAN (Parit Buntar).

.. TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

.. DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

.. DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

.. TUAN HAJI ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

Yang Berhormat TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).

- .. TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- .. DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- .. TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- .. TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubuk Antu).
- .. TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- .. TUAN BERNARD GILUK DOMPOK (Penampang).
- .. DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- .. TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- .. TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- .. TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- .. DR V. DAVID (Puchung).
- .. TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- .. DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- .. TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- .. TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- .. TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- .. DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- .. TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- .. TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- .. TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- .. TUAN HU SEPANG (Rasah).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- .. TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- .. TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- .. TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- .. TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- .. TUAN KADOH AGUNDONG (Padas).
- .. DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).

Yang Berhormat TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

- .. TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- .. TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).
- .. TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- .. TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- .. TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- .. DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- .. TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- .. PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- .. TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- .. TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- .. TUAN METAH BIN ASANG *alias* MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- .. TUAN MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- .. TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- .. DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- .. TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- .. TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- .. TUAN HAJI MOHAMED YAACOB (Rantau Panjang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- .. TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- .. DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- .. TUAN HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS (Jempol).

Yang Berhormat TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).

- .. TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- .. TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- .. DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- .. TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- .. DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- .. TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- .. TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- .. DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- .. DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- .. TUAN P. PATTO (Ipoh).
- .. TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- .. DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU (Saratok).
- .. TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- .. TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- .. PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- .. TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- .. TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- .. DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- .. TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- .. DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- .. TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- .. TUAN TAN KOON SWAN (Gopeng).
- .. DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- .. TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

- Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIUNG SENG (Sibu).
 - .. TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
 - .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
 - .. TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
 - .. TUAN YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
 - .. PUAN ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
 - .. DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
 - .. DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
 - .. TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P.,
J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 30hb Oktober, 1986

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

DASAR BELIA KEBANGSAAN

1. **Tuan Othman bin Abdul** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah program-program yang telah dan akan dilakukan bagi menjayakan dua cita-cita dalam dasar belia kebangsaan iaitu bagi melahirkan belia yang mengamalkan cara hidup Islam dan melahirkan belia yang bermoral dan berakhlak tinggi, hormat dan cintakan agama serta negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Haji Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dan sedang mengadakan program secara umum ke arah melahirkan belia yang mengamalkan cara hidup Islam bagi belia yang beragama Islam dan melahirkan belia yang bermoral serta berakhlak tinggi kepada semua belia. Unit agama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah dipertanggungjawabkan mengendalikan program ini dengan mengadakan kursus-kursus, seminar, bengkel, ceramah-ceramah di peringkat negara dan zon. Di samping

itu juga unit ini dipertanggungjawabkan untuk memberi khidmat nasihat berhubung dengan hal-hal agama dan bagi belia-belia yang berada di Pusat-pusat Latihan Belia, pihak Kementerian menyediakan guru-guru agama khas untuk mengajar matapelajaran agama seperti fekah, tauhid, tafsir, hadis, sejarah dan lain-lain.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yakin bahawa orang yang tidak yakin kepada kebaikan Islam dapat menjalani cara hidup Islam? Apakah jaminan pihak Kerajaan bagi membolehkan belia-belia yang bukan Islam hidup sama mengikut cara-cara Islam? Dapatkah kita memaut belia-belia supaya hidup bermoral dan berakhlak tinggi sekiranya terdapat Menteri berkenaan tidak bermoral dan tidak berakhlak tinggi?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, soal yakin tidak yakin itu susah juga saya hendak katakan. Tetapi bagi saya, saya memang yakin. Jika sekiranya kita yakin dengan keyakinan kita, bukan seperti orang-orang PAS itu, kita boleh buat apa yang kita mahu. *(Tepuk)* Soal jaminan. . . .

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Tidak perlu, dia tidak habis lagi jawapannya. Biar dia habiskan dahulu.

Tuan Haji Awang bin Jabar: Soal jaminan, saya jaminlah. Insha Allah, kalau kita sama-sama bekerjasama untuk menuju ke arah itu, kita boleh buat.

Soalan ketiga, dapatkah Kementerian memasukkan belia-belia semua sekali ini kepada Islam sedangkan Menteri tidak bermoral. Susahlah kita hendak membuat ukuran secara begini. Kalau Yang Berhormat itu merujuk satu kayu ukur daripada pandangan partinya, bukan dari pandangan Islam, kerana mengikut pandangan Islam, apa yang baik itu ialah baik pada syarak, bukan baik pada pandangan seseorang individu. (*Tepuk*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menerangkan sejauh manakah prinsip moral dan prinsip Islam menjadi daya memandu di dalam setiap program yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, di setiap program yang dilakukan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sama ada yang berbentuk khemah kerja, seminar dan lain-lain itu, kita berpandu kepada prinsip moral yang tinggi ataupun pengajaran Islam, seperti kerja-kerja gotong-royong, seperti kerja-kerja untuk mempertingkatkan perpaduan, seperti kerja-kerja untuk hormat menghormati di antara satu sama lain di kalangan belia-belia sendiri.

Tuan Haji Mohamed bin Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah yang dapat kita mengukur dari segi nilai akhlak pada belia-belia? Adakah di antara belia-belia kita yang sentiasa mencabuli kehormatan orang dan juga sentiasa mencaci dan mencela segenap lapisan

masyarakat itu dapat kita menandakan belia yang berakhlak baik?

Tuan Haji Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, ukuran akhlak mulia adalah ukuran ataupun mengikut formula yang dibuat oleh sunnah Rasulullah s.a.w. yang dikatakan "Uswah Hassanah". Ada pun belia-belia ataupun orang-orang tua juga, yang mencabuli, yang mencaci, yang tidak menghormati orang lain, maka mereka ini sudah tentulah menyimpang dan menyeleweng daripada landasan akhlak yang mulia.

PERDAGANGAN INTRA-ASEAN

2. **Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau berpuas hati dengan perdagangan Intra-ASEAN yang cuma 18% itu; dan
- (b) adakah perkembangan ASEAN ke arah satu pasaran ekonomi itu telah berhenti atau masih bergerak ke hadapan.

Menteri Luar Negeri (Dato' Rais Yatim): Tuan Yang di-Pertua, tidak. Malaysia belum berpuas hati lagi dengan pencapaian dagangan Intra-ASEAN setakat ini. Walaupun ASEAN sentiasa menekan pentingnya perdagangan Intra-ASEAN tetapi tiap-tiap negara ASEAN sendiri mempunyai negara-negara rakan dagangan yang tradisional dan telah lama menjalinkan hubungan dagangan antara satu sama lain.

Negara-negara rakan dagangan ASEAN yang terbesar termasuklah Amerika Syarikat, Jepun dan Negara-negara Kesatuan Ekonomi Eropah. Walau bagaimanapun ruangan untuk memajukan perdagangan Intra-ASEAN ini masih luas. Konsep dan pelaksanaan dasar saling bergantung atau, dengan izin, inter-dependence

antara sesama negara ASEAN harus dimajukan melalui azam politik masing-masing negara yang berada di dalam ASEAN. Malaysia dan anggota ASEAN yang lain akan terus berusaha untuk mempertingkatkan lagi prestasi perdagangan Intra-ASEAN. Malaysia berasa yakin bahawa pertumbuhan dagangan negara-negara ASEAN akan terus meningkat dari masa ke semasa.

Bagi menjawab soalan (b), ASEAN adalah merupakan satu gagasan kerjasama serantau yang dinamis dan tidak statik. Namun demikian, ASEAN sentiasa berusaha untuk mencapai satu arah kerjasama yang lebih mantap di dalam semua bidang kerjasama termasuk kerjasama ekonomi dan perdagangan.

Mengenai pasaran ekonomi ASEAN, jika apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebagai pasaran usaha-sama, suka saya menyatakan bahawa memang sudah menjadi matlamat jangka panjang ASEAN untuk mewujudkan satu pasaran usaha sama yang dapat menjamin pertumbuhan perdagangan yang aktif antara negara-negara ASEAN.

Dr Chen Man Hin: Soalan tambahan, Tuan Speaker. ASEAN sudah ditubuhkan 19 tahun dahulu tetapi sampai sekarang kita belum dapat satu kesan yang boleh dikatakan Common Market, dengan izin, dan trade yang ada sekarang ialah 18% sahaja dan ini tidak sampai 1% satu tahun. Ini menunjukkan bahawa sungguhpun ada banyak mesyuarat-mesyuarat di antara Menteri-menteri ASEAN tetapi tidak dapat apa-apa kesan. Bolehkah pihak Kementerian atau Yang Berhormat Menteri kata adakah apa-apa halangan menyebabkan tidak dapat diadakan satu Common Market atau adakah kerana negara-negara ASEAN sendiri mengadakan kurang political will, dengan izin, atau lain-lain faktor?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, apa yang ditanggapi oleh Ahli Yang Berhormat itu memang ada mengandungi kebenarannya. Suka saya menyatakan di sini misalnya bahawa jumlah dagangan bagi tempoh 1978 hingga 1983 kenaikan 24% dagangan telah tercatat yakni bagi tahun 1978 sejumlah lebih kurang \$25.6 billion telah tercatat dan bagi tahun 1983, \$27.3 billion telah dicapai. Walaupun sedemikian, catatan kenaikan ini masih dirasai di kalangan negara-negara ASEAN sendiri bahawa dagangan dan usaha-sama ekonomi antara keenam-enam anggota itu masih belum mencapai tahap seperti yang diharap-harapkan oleh semua pihak yang berkenaan. Oleh itu satu-satunya, dengan izin, **modes oparandi** ataupun cara-cara dan kaedah pasaran harus difikirkan bersama. ASEAN tidak boleh bergantung semata-mata atas alasan negara-negara tradisi yang menjadi rakan dagangan mereka. ASEAN harus memikirkan inter-dependence, dengan izin, seperti yang saya sebutkan dalam jawapan tadi.

Di antara keenam-enam anggota ini belum lagi dapat ditinjau perasaan masing-masing berhubung dengan kemampuan mereka untuk menyertai pasaran bersama ini. Walau bagaimanapun izinkan saya menyatakan Malaysia, Filipina dan juga beberapa rakan yang lain dalam ASEAN sedang giat menghidupkan konsep ini dan ini akan merupakan satu-satunya bahan yang akan diperbincangkan di sidang kemuncak pada tahun hadapan. Bagi menyatakan secara khususnya alasan-alasan yang didapati yang menghalang ke arah penubuhan pasaran ini secara am dapatlah saya menyatakan bahawa soalnya ialah soal pendapatan kewangan bagi satu-satu negara.

Banyak pihak berpendapat bahawa berniaga dengan Eropah, dengan Amerika, dengan Jepun lebih cepat

dan banyak mendatangkan kewangan. Walaupun ini menjadi kenyataan dan hakikat, namun azam politik di kalangan ASEAN tidak akan dilupai iaitu sekiranya 260 juta manusia terdapat di dalam ASEAN maka bilangan manusia ini sudah cukup bagi membuat permintaan yang genap di atas barangan ataupun perkara-perkara yang didagangkan di bawah 12,650 items, dengan izin, yang tersenarai.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Dalam jawapannya tadi, Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa beliau tidak berpuas hati dengan prestasi perdagangan Intra-ASEAN ini. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri adakah ASEAN telah pun menetapkan satu target ataupun matlamat mengenai jumlah dagangan yang harus dijalankan di antara negara-negara ASEAN.

Yang kedua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada Yang Berhormat telah pun membangkitkan masalah ini semasa Yang Berhormat menghadiri dialog EEC dan ASEAN di Jakarta baru-baru ini dan adakah sebarang keputusan dicapai mengenainya?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah satu-satunya isu yang dirasai oleh Kementerian Luar Negeri sebagai perkara yang mencabar. Oleh itu Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Malaysia sedang merapatkan kerjasama untuk mengadakan satu penembusan dari segi apa yang dianggap sebagai "impasse", dengan izin. Kita memang ingin mewujudkan sekurang-kurangnya dua kali ganda daripada angka yang sempat saya sebutkan tadi bagi menjadikan perjuangan dagangan Intra-ASEAN ini sebagai kenyataan. Tetapi oleh kerana sentimen dagangan masing-masing dan juga sensitivity

atau rasa persendirian negara-negara ASEAN dengan rakan-rakan dagangan tradisional mereka begitu tinggi maka kita harus mengolah satu pendekatan yang benar-benar rational begitu memberi keuntungan kepada semua pihak.

Biar saya beri satu contoh. Kemungkinan di Malaysia industri kereta itu dipupuk demikian rupa sehingga sebahagian daripada komponennya juga boleh dikilang atau dikeluarkan oleh negara-negara ASEAN yang lain. Dengan cara ini maka kereta tersebut kemungkinan dipasarkan di negara-negara yang terwujud kilang bahan-bahan komponennya sekali. Di peringkat ini adalah menjadi suatu cabaran dan merupakan satu kemungkinan yang boleh dibawa ke peringkat sidang kemuncak yang akan diadakan pada tahun hadapan.

Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat di perenggan kedua itu, suka saya menyatakan bahawa perkara ini memang telah dibincangkan di Jakarta minggu lalu sewaktu Malaysia menyertai dialog dan perbincangan dengan rakan-rakan ASEAN beserta dengan para Menteri dari negara-negara EEC. Dan melihat daripada reaksi negara-negara tersebut maka ruang untuk bekerjasama dan mewujudkan kenaikan kadar dagangan antara ASEAN dengan negara-negara Eropah memang telah mendapat sambutan. Tetapi soal berhubung dengan dagangan dan kerjasama ekonomi Intra-ASEAN, ini terserah kepada ASEAN sendiri.

BANTUAN KEBAJIKAN BULANAN

3. Drs Suleiman bin Mohamed minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan apakah rancangan-rancangan yang beliau telah buat bagi membantu orang-orang yang mendapat bantuan kebajikan bulanan

daripada Kementerian supaya berdikari dan dengan ini meringankan bebanan Kementerian tiap bulan untuk menyara hidup mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat (Tuan Peter Chin Fah Kui): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa bantuan bulanan yang diberi kepada orang-orang miskin dan daif oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat adalah merupakan satu bantuan sementara sahaja untuk meringankan beban dan masalah seseorang itu. Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Pejabat Kebajikan Masyarakat untuk merancang dan berikhtiar memulihkan keadaan ekonomi seseorang itu dengan seberapa segera. Selain dari itu juga kes-kes penerima bantuan dikaji semula tiap-tiap enam bulan sekali untuk menentukan sama ada bantuan itu perlu diteruskan ataupun sebaliknya.

Pihak Kementerian telah mengadakan beberapa perkhidmatan bagi memulihkan orang-orang miskin ini supaya dapat berdikari. Bantuan-bantuan berkenaan adalah seperti berikut:

- (i) Bantuan Pelancaran;
- (ii) Bantuan Latihan Sambil Bekerja; dan
- (iii) Latihan Belia dan Beliawanis.

Kementerian Kebajikan Masyarakat sentiasa mengambil berat tentang nasib orang-orang miskin yang mendapat bantuan di mana segala usaha diambil untuk melatih penerima-penerima bantuan dan juga anak-anak mereka dalam mendapatkan kemahiran pekerjaan dan seterusnya berdikari dan tidak lagi bergantung kepada Kementerian Kebajikan Masyarakat selamalamanya.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sejauh manakah ikhtiar-ikhtiar dan juga usaha-usaha yang telah dibuat oleh pihak Kementerian mencapai matlamatnya - maksud saya ialah dari segi percentage, dengan izin, sehingga hari ini. Yang keduanya, terdapat satu persatuan yang unik di negara ini yang telah ditubuhkan di sebuah negeri di utara tanahair iaitu Persatuan Janda dan Duda yang Miskin. Sejauh manakah pihak Kementerian, sebab mereka ini merupakan kumpulan sasaran utama yang menerima bantuan daripada Kementerian, sejauh mana pihak Kementerian berusaha untuk membantu Persatuan ini di samping ikhtiar-ikhtiar tadi?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan tadi Yang Berhormat berkehendakkan percentage, dengan izin, pada ikhtiar-ikhtiar yang diadakan dari Kementerian saya. Oleh kerana soalan ini memerlukan angka-angka dari Kementerian saya, saya harap Yang Berhormat berkenaan dapat menulis sepucuk surat ke Kementerian saya supaya jawapan penuh termasuk angka-angka tersebut dapat diberikan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa adakah benar tahap maksima bantuan yang diberikan kepada seorang perempuan muda yang menjadi balu ataupun janda ialah sebanyak \$70 sahaja. Walaupun bantuan ini diberi sebagai langkah sementara, ini tidak mencukupi untuk membantu wanita itu jikalau beliau ada anak-anak yang kecil. Apakah langkah akan diambil untuk meninggikan bantuan yang diberi kepada pihak ini supaya mereka tidak terpaksa untuk menghadapi cabaran seperti yang merosakkan akhlak mereka supaya mereka tidak terpaksa

untuk mencari kerja yang tidak diingini. Ini sahaja soalan saya.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, soalan dari Ahli Yang Berhormat itu ialah berkenaan dengan bantuan am dari Kementerian saya. Di sini saya boleh menyatakan maksimum bantuan am ini tidak boleh melebihi \$115 tiap-tiap bulan. Tetapi berapakah amaun bantuan yang dapat diberi untuk seorang pemohon itu memanglah terpulang kepada Pejabat Kebajikan Negeri, sebab perkara ini adalah diaturkan oleh tiap-tiap Pejabat Kebajikan Negeri.

Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi membantu orang-orang cacat bukan di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat, saya mahu tahu apakah tindakan Kementerian yang telah, sedang dan akan diambil kepada majikan-majikan yang enggan menerima mereka sebagai umpamanya telefon operator atau memegang apa-apa jawatan yang sesuai dengan latihan-latihan yang diberi bagi mereka berdikari dan meringankan beban Kerajaan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memberi kepada orang-orang cacat atau anak-anak orang cacat atau anak-anak orang miskin bantuan bagi menolong anak-anak ini atau orang-orang cacat ini mendapat kemahiran bekerja sama ada di tempat yang dilatih ataupun untuk mencari pekerjaan di tempat lain. Apabila orang-orang cacat atau anak-anak orang cacat ini sudah dapat memberikan punca pendapatan kepada keluarganya, pihak Kementerian akan membuat rumusan sama ada hendak terus memberi bantuan ataupun sebaliknya. Pihak Kementerian akan mengkaji setiap enam bulan perkara bantuan ini. Dan lagi pihak Kementerian akan memberi latihan yang sesuai di dalam bidang

kimpalan, mekanik, kenderaan motor, penyejuk bekuan dan penyamanan udara, tukang kayu atau tanggam, tukang jahit dan sebagainya supaya penerima ini atau anak-anak penerima bantuan dari Kementerian dapatlah Sijil Lembaga Latihan Perindustrian dan Sijil Pertukangan Kebangsaan, sekiranya mereka berjaya di dalam ujian, dan sebaliknya setelah anak-anak ini sudah dapat sijil, mereka dapatlah menolong keluarga penerima bantuan dari Kementerian saya. Inilah latihan atau rancangan dari Kementerian saya.

LPN—SIASATAN RASUAH

4. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau akan mempelawa Badan Pencegah Rasuah menjalankan satu penyiasatan yang menyeluruh dan bebas ke dalam Lembaga Padi dan Beras Negara agar dapat membersihkan serta mencekapkan agensi tersebut memandangkan wujudnya tuduhan-tuduhan yang sering dibuat mengenai rasuah yang berluasa di kalangan pegawai-pegawai LPN di seluruh negara.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal mempelawa Badan Pencegah Rasuah menjalankan penyiasatannya di dalam LPN adalah tidak timbul kerana sejak dari dahulu lagi hingga sekarang Badan tersebut sentiasa menjalankan siasatan terbuka terhadap kes-kes rasuah dan penyelewengan yang melibatkan atau membabitkan pegawai dan kakitangan LPN.

Untuk makluman Yang Berhormat wakil Tanjong dan Dewan yang mulia ini, LPN pada masa ini mempunyai lebih daripada 4,187 kakitangan di seluruh negara dan sebahagian besar daripada mereka adalah bertanggungjawab dan beramanah.

Mungkin dalam kumpulan yang begitu besar, ada segelintir yang keamanahannya dicurigai. Jumlah yang segelintir ini dapat dibuktikan dengan hakikat bahawa sejak tahun 1984 hingga September tahun ini, terdapat hanya 9 kes rasuah sahaja yang disiasat oleh Badan Pencegah Rasuah di kalangan pegawai dan kakitangan LPN.

Baru-baru ini BPR juga menyediakan laporan tatatertib terhadap 7 pegawai LPN dan laporan itu sudah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib bagi tindakan selanjutnya.

Bagi mengatasi amalan rasuah dan penyelewengan di Jabatan-jabatan Kerajaan amnya dan di kalangan pegawai LPN khususnya, kerjasama daripada semua pihak adalah diperlukan, terutama sekali untuk membuat laporan dengan menyertakan bukti-bukti yang jelas supaya tindakan dapat diambil terhadap mereka yang terlibat.

Kementerian dan LPN tidak akan melindungi sesiapa yang didapati dengan bukti-bukti yang cukup yang melakukan kesalahan-kesalahan dan akan bertindak untuk menentukan supaya agensi di bawah Kementerian saya mengamalkan dasar Bersih, Cekap dan Amanah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi rasuah di kalangan ini, adakah Kementerian yang berkenaan berhasrat untuk membatalkan atau menggantung peraturan-peraturan dilaksanakan oleh LPN yang digubal untuk satu masa di mana negara menghadapi kekurangan beras. Tetapi sekarang tidak ada seperti peraturan-peraturan yang menghadkan yang mahu dapat kebenaran untuk pergerakan (movement) beras daripada satu negeri ke lain negeri, mahu baucer-baucer untuk setiap penjualan beras-beras sekarang yang menjadi syarat

untuk pegawai-pegawai LPN menganiaya peniaga-peniaga dan orang ramai oleh kerana dengan sedikit kesilapan yang teknikal seperti satu baucer yang ditulis, silap 20 sen sahaja bolehlah dibawa ke mahkamah, kalau tidak diberi rasuah dan bukannya satu syarat ialah peraturan-peraturan sekarang tidak kena pada tempat, masa ini dibatalkan atau digantungkan sehingga apabila menghadapi satu keadaan darurat kita tidak kekurangan beras, barulah dikenakan sekali lagi.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji

Taha: Tuan Yang di-Pertua, fungsi LPN ialah untuk menentukan supaya petani-petani padi mendapat kedudukan yang sewajarnya, apabila mereka mengusahakan padi-padi supaya padi-padi yang mereka usahakan tidak dibeli dengan harga yang murah sebelum LPN ditubuhkan. Begitu juga dengan fungsi LPN, sebaliknya iaitu menentukan supaya harga-harga beras untuk makanan umum itu harganya tidak tinggi supaya sentiasa di dalam kemampuan orang ramai. Fungsi-fungsi LPN ini bukan sahaja tertakluk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat, tetapi lebih luas lagi.

Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat yang mengatakan pegawai-pegawai LPN akan mengambil tindakan untuk menuntut wang rasuah disebabkan oleh kesalahan 20 sen. Ini satu perkara yang saya percaya kalau boleh dibuktikan, boleh diberikan kepada saya untuk diambil tindakan, kerana seperti saya katakan tadi pihak LPN tidak akan melindungi sesiapa sekiranya ada bukti-bukti yang cukup.

Mengenai kajian-kajian LPN, LPN sentiasa membuat kajian-kajian untuk menentukan supaya pelaksanaan-pelaksanaan LPN ialah up-to-date dan tidak menyusahkan orang ramai.

Dr Abūl Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah jangka pendek yang diambil oleh Kementerian Perusahaan Awam supaya mempercekapkan lagi pengurusan LPN yang agak lembab seperti yang berlaku di kilang-kilang LPN pada bulan Ogos dan September yang lalu di Kedah dan Perlis.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah pun saya jawab semasa saya menjawab soalan Yang Berhormat pada tempoh hari. Walau bagaimanapun, sebab Yang Berhormat masih lagi bertanya, saya sukalah menyatakan iaitu perkara yang berlaku di Kedah tempoh hari disebabkan oleh kerana hari hujan, kalau hari tidak hujan mungkin tidak timbullah.

Yang kedua, masalah LPN ini untuk jangka pendek, kita telah pun menswastakan berbagai-bagai aktiviti LPN supaya dapatlah pihak swasta memainkan peranan yang sewajarnya. Dalam hal ini saya memperlalualah mana-mana pihak swasta yang ingin melibatkan diri dalam aktiviti LPN untuk menghubungi LPN supaya kita dapat memberikan peluang-peluang untuk pihak swasta memainkan peranan yang lebih berkesan lagi.

PERPADUAN UMAT ISLAM/ PERPADUAN UMMAH

5. Tuan Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latif minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan sentiasa menyeru supaya perpaduan ummah dititikberatkan tetapi yang nyata ada anasir-anasir yang berusaha untuk memecah-belahkan umat Islam. Sudahkah pihak Kementerian berkenaan membuat kajian kemungkinan ada anasir-anasir peringkat antarabangsa menggunakan pihak-pihak tertentu di negara ini untuk melemahkan perpaduan umat

Islam. Apakah tindakan Kerajaan untuk mengawal/menyekat perkara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa menyeru ke arah perpaduan ummah, bahkan menjadikannya salah satu matlamat utama dalam beberapa program dan aktiviti bagi agensi-agensi yang tertentu.

Kajian dan pemerhatian dibuat terus-menerus oleh Kerajaan mengenai anasir-anasir luar yang boleh mempengaruhi rakyat negara ini dalam hal melemahkan perpaduan rakyat yang beragama Islam. Tindakan-tindakan yang sewajarnya diambil apabila diyakini bahawa kes-kes tertentu itu boleh merosakkan perpaduan.

Tuan Mohammad Yussof bin Haji Abdul Latif: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pada hari ini satu anasir yang memecah-belahkan umat Islam telah terdedah dalam akhbar di mana ada pihak yang mempergunakan pendatang-pendatang haram daripada Indonesia yang bukan beragama Islam telah menyebarkan agama Kristian dan telah memainkan peranan sehingga terpengaruh kepada orang-orang Islam menganut agama Kristian. Apakah langkah pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengatasi hal ini?

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, pihak Bahagian Hal Ehwal Agama Islam telah menerima sungutan-sungutan daripada beberapa kumpulan orang ramai, tetapi mengikut amalan biasa pihak pentadbiran sekarang ini sedang mengumpul, berusaha memungut fakta-fakta yang berkaitan dengan perkara itu dan kalau sekiranya

didapati benar, maka tindakan-tindakan akan diambil mengikut proses yang biasa dijalankan iaitu menerusi beberapa Kementerian yang terlibat dengan kejadian-kejadian yang seperti ini.

Tuan Haji Abdullah bin Haji Arshad: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kita sering mendengar suara-suara mengenai perpaduan negara, sama ada di luar mahupun di dalam Dewan yang mulia ini dan Kerajaan pun sentiasa menekankan supaya perpaduan ini diwujudkan dalam negara kita.

Saya ingin tahu apakah satu alat yang telah disediakan oleh Kerajaan dalam usaha bagi membolehkan semua rakyat dan masyarakat majmuk ini bersatupadu. Adakah maksud dengan penekanan Kerajaan itu rakyat semuanya mesti masuk UMNO ataupun menyokong Kerajaan, sanggupkah pihak Kerajaan untuk mencapai tujuan murni dan untuk melihat semua rakyat bersatu dalam negara ini mengikut kehendak ayat Al-Quran yang bermaksud: Tidakkah ini cara yang baik sekali dan layak dipraktikkan.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu mungkin tidak tepat dengan kehendak asal, tetapi yang menghairankan saya sedikit ialah kerana Kerajaan selama ini sentiasa menggunakan cara-cara yang telah dikaji dan didapati selaras dengan Islam untuk mencapai matlamat perpaduan, tetapi apa yang berlaku pada hari ini ialah ada orang-orang yang menggunakan perkataan Islam, menggunakan pertubuhan-pertubuhan yang dinamakan Islam dan mereka tidak menggunakan maksud ayat yang disebutkan tadi.

Banyak kejadian-kejadian contoh kalau saya tidak beri tahu di sini pun orang sudah tahu. Tetapi perlu saya

sebutkan, kerana takut ada orang-orang yang tahu tetapi pura-pura tidak tahu, misalnya di sebuah kampung bernama Kampung Bari Besar di Terengganu, kampung itu tidak boleh mendirikan sembahyang Jumaat sudah bertahun-tahun sehingga sekarang, akibat daripada ada sekumpulan di kampung itu yang telah memasuki satu parti di negara ini iaitu parti yang menggunakan nama Islam tidak mahu sembahyang di situ yang mengakibatkan orang di situ terpaksa sembahyang Zuhor sudah bertahun-tahun tetapi Kerajaan akan terus berusaha untuk memupuk perpaduan di kalangan orang Islam dan kalau sekiranya berlaku perpecahan maka ianya sebenarnya berpunca daripada orang yang menggunakan perkataan Islam di bawah organisasi tertentu (*Tepuk*).

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah pihak Kerajaan menamakan anasir-anasir yang dikatakan sedang berusaha memecahbelahkan umat Islam sama ada di luar atau dalam negeri dan siapakah orang-orang yang dikatakan tadi menggunakan perkataan-perkataan Islam.

Kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk meminda atau mengenakan beberapa akta atau undang-undang baharu yang lebih berkesan bagi menyekat golongan-golongan tersebut daripada terus berleluasa.

Dato' Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamed Noor: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya anasir-anasir ini kalau saya tidak sebutkan di sini ia sudah menjadi pengetahuan umum. Tetapi bagi sebuah Kerajaan yang sentiasa bersikap adil yang sudah tidak dapat dinafikan bahawa ialah sebenarnya sebuah Kerajaan yang berpegang kepada nilai-nilai baik dan yang direstui oleh Islam, maka oleh kerana anasir itu sebahagiannya datang

daripada peribadi-peribadi orang-orang yang ingin dikenal dan menjadi popular di kelompok-kelompok yang tertentu dan ada pula anasir-anasir yang datang dari luar dan yang dari luar ini telah dapat mempengaruhi orang-orang tempatan dan orang-orang tempatan pada masa ini kelihatan sudah terpengaruh dengan anasir-anasir itu dengan menerusi membawa beberapa paten tertentu yang selama ini tidak diperkenalkan oleh Kerajaan. Misalnya apabila Islam berkembang di negara kita ini pada masa dahulu orang Islam telah menerima Islam sebagai satu akidah tetapi sekarang menerusi kegiatan tertentu oleh orang-orang yang boleh disifatkan sebagai opportunist telah memperkenalkan paten tertentu dalam menerangkan Islam menggunakan paten yang biasanya adalah tidak dipakai dan digunakan oleh orang-orang Islam di sini, dan paten ini kelihatan makin nyata di masa akhir-akhir ini dengan warna, dengan bentuk, cara mengikat serban dan sebagainya yang sebenarnya ini tidaklah merupakan sebahagian daripada perkara yang asasi dalam Islam. Dengan keterangan itu, saya fikir sudah cukup untuk kita mengenal apakah anasir-anasir itu.

Mengenai dengan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda peruntukan-peruntukan bagi menyekat kegiatan yang berkenaan, maka yakinlah bahawa Kerajaan berhati-hati dalam perkara ini dan ini menunjukkan betapa kuatnya Kerajaan ini berpegang kepada nilai-nilai suci Islam dan ia tidak terburu-buru sebagaimana yang didapati dalam parti-parti yang menggunakan nama Islam dalam negara ini.

MANGSA RUSUHAN— PEMBAYARAN

6. Tuan Gerard Math Lee Min minta Menteri Kewangan menyatakan mengapa gantirugi (kompensasi) tidak

diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa-mangsa rusuhan di Sabah.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan tidak mengadakan peruntukan khas bagi membuat pembayaran kepada mangsa-mangsa rusuhan di mana-mana negeri bagi kakitangan Kerajaan atau orang-orang awam yang terlibat dalam kejadian tersebut. Sebarang tuntutan mengenai perkara tersebut akan diputuskan oleh mahkamah jika ia dibawa ke mahkamah oleh orang-orang yang terlibat dari segi nyawa, kerosakan hartabenda dan lain-lain hak kepentingan yang dirosakkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, kenapa bukan sahaja Kerajaan Persekutuan kita mahu memberi gantirugi kepada mangsa-mangsa rusuhan di Sabah, Peristiwa Mac tetapi sebaliknya Kerajaan Persekutuan meng-anugerahkan mereka yang menyebabkan—mencetuskan rusuhan-rusuhan ini dengan memberi mereka gaji-gaji Timbalan Menteri dua orang sekurang-kurangnya dan bukankah ini satu penghinaan kepada mangsa-mangsa rakyat di Sabah daripada rusuhan yang menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan sekurang-kurangnya memberi sokongan ilham dan bersubhat dengan rusuhan-rusuhan pada bulan Mac di Sabah (*Tepuk*).

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, tentang tidak beri itu berkaitanlah. Tentang hendak beri gaji, naik jadi Timbalan Menteri dan sebagainya, saya rasa tidak ada kaitan langsung dengan soalan ini (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya bersetuju.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan iaitu sama ada Kerajaan sedar bahawa oleh sebab kelambatan pihak berkuasa untuk mengurus pembayaran gantirugi kepada mangsa-mangsa rusuhan di Sabah yang lalu maka terdapat banyak sungutan di kalangan masyarakat yang berasa kesal terhadap sikap Kerajaan Pusat yang tidak menampakkan sebarang tindakan yang positif untuk menguruskan perkara itu dengan secepat-cepatnya. Yang lebih buruk lagi bila calon Pembangkang yang menentang calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Parlimen yang lalu menjadikan perkara itu sebagai isu yang paling hangat dalam usahanya untuk mengalahkan calon Barisan Nasional. Contohnya, di kawasan saya Kota Belud di mana calon Pembangkang dari Parti Berjaya begitu tergamak menyatakan dalam kempenya bahawa kononnya pihak Kerajaan Pusat sendiri pun terlibat sama ada perancangan rusuhan tersebut.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan buat ucapan, soalan tambahan sahaja (*Ketawa*).

Tuan Maidom bin Pansai: Jika Kerajaan sedar ataupun tidak, apakah langkah-langkah yang positif akan diambil oleh Kerajaan Pusat demi untuk menolak segala prasangka dan tuduhan pihak-pihak tertentu yang seburuk itu terhadap Kerajaan Pusat.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal lewat tidak lewat bayar. Saya sudah kata memang tidak dibayar.

PENIAGA BUMIPUTERA SARAWAK—BANTUAN MARA

7. Tuan Andrew Janggi Muyang minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apakah

kejayaan MARA untuk membantu peniaga-peniaga Bumiputera di Negeri Sarawak dan jumlah bantuan kewangan yang telah diberi oleh MARA di Sarawak.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi objektif MARA untuk membangun dan memajukan masyarakat bumiputera dalam lapangan perniagaan dan perusahaan termasuk bumiputera di negeri Sarawak. Sehingga ini MARA telah berjaya membantu peniaga-peniaga bumiputera negeri Sarawak melalui aktiviti-aktivitinya seperti berikut:

- (1) dalam program pinjaman perniagaan MARA telah mengeluarkan sejumlah \$16,684,188 kepada 2,982 usahawan bumiputera dalam tempoh 20 tahun daripada 1966 hingga Jun 1986;
- (2) dalam usaha MARA melatih usahawan-usahawan bumiputera di negeri Sarawak sebanyak 185 kursus telah dijalankan melibatkan seramai 6,946 orang peserta dalam tempoh 10 tahun daripada 1986 sehingga Jun 1986;
- (3) bagi mengatasi masalah tempat perniagaan pula MARA juga menyediakan kemudahan ruang niaga untuk usahawan-usahawan bumiputera di negeri Sarawak dalam bentuk rumah kedai, arked dan bazaar. Sehingga Jun 1986 sebanyak 6 projek telah disiapkan mengandungi 126 unit dengan perbelanjaan sejumlah \$2,324,847.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, daripada \$16 juta yang

telah diperuntukkan kepada peniaga-peniaga bumiputera tadi saya ingin tahu, berapakah kejayaan yang telah diperolehi dan juga adakah hutang itu telah dibayar sejak pinjaman dilakukan.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pinjaman yang telah diberikan oleh MARA banyak yang berjaya dan ada juga yang belum bayar balik. Bagaimanapun, yang penting kita ketahui ataupun kita maklumi ialah kalau MARA tidak memberikan pinjaman ini kepada bumiputera untuk mulakan perniagaan tidak mungkin kita akan dapat melihat bumiputera hari ini bergerak maju dalam bidang perniagaan (*Tepuk*).

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri berpuas hati dengan prestasi kejayaan pencapaian peniaga-peniaga bumiputera di negeri Sarawak? Kalau ada unsur-unsur atau petunjuk-petunjuk tentang kegagalan peniaga-peniaga bumiputera di Sarawak, apakah langkah-langkah yang lebih terperinci yang dirancangan oleh pihak MARA? Dan akhir sekali, adakah pihak MARA melaksanakan segala rancangan-rancangan di negeri Sarawak selaras dengan negeri-negeri yang lain?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd.

Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kemungkinan bumiputera di Negeri Sarawak ketinggalan sedikit daripada bumiputera yang ada di Semenanjung maka MARA akan memberi penekanan kepada bumiputera yang ada di Sarawak. Dalam Rancangan Malaysia Kelima, MARA Sarawak akan terus mempergiatkan usaha untuk membantu peniaga-peniaga bumiputera mencapai kejayaan melalui aktiviti berikut.

Kita telah memperuntukkan wang pinjaman sebanyak \$10 juta bagi peminjam di Sarawak. Kita juga merancang untuk mengadakan 145 Kursus Bimbingan kepada 4,350 peserta dengan perbelanjaan berjumlah \$461,000. MARA juga bercadang untuk membina lima projek ruang niaga seperti berikut:

1. Arked MARA di Sibui;
2. Rumah Kedai MARA di Kuching;
3. Rumah Kedai di Sarikei;
4. Bazaar di Lundu; dan
5. Bengkel kecil di Bintulu.

Bagaimanapun semua projek ini hanya akan dilaksanakan jika kewangan negara mengizinkan.

TUNTUTAN FILIPINA ATAS SABAH

8. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan hasil perbincangan yang beliau adakan dengan Naib Presiden Filipina, Encik Laurel Salvador mengenai tuntutan Filipina ke atas Negeri Sabah dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah ini yang telah wujud begitu lama, serta apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghantar semua pendatang haram Filipina dan pelarian balik ke negaranya masing-masing.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, mohon izin bagi saya menjawab bagi pihak Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, isu tuntutan Filipina ke atas Sabah memang merupakan isu yang telah lama dan berlanjutan. Usaha-usaha ke arah menyelesaikan masalah ini ketika ini di bawah pemerintahan bekas Presiden Marcos telah menemui kegagalan. Pemerintahan baru Filipina di bawah pimpinan Presiden Aquino walau bagaimanapun telah menyatakan kesediaannya untuk

menyelesaikan isu tersebut. Malaysia telah mengalu-alukan hasrat Filipina ini. Dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Encik Salvador Laurel, Timbalan Presiden Filipina pada Mei 1986, telah dipersetujui bahawa hubungan dua hala antara kedua buah negara harus dipertingkatkan selepas isu tuntutan Filipina ke atas Sabah diselesaikan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah menekankan bahawa Malaysia bersedia berusaha ke arah memupuk kerjasama dua hala yang lebih bermakna antara kedua buah negara selepas Filipina menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah.

Kerajaan memberi kemudahan singgah sementara kepada pelarian-pelarian Filipina di Sabah semata-mata berdasarkan kepada perasaan perikemanusiaan. Dalam pada itu, Kerajaan tidak menghalang mana-mana pelarian yang ingin pulang ke negara asal mereka.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendatang haram Filipina di Sabah, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk menangkap, mendakwa dan mengusir keluar mereka yang dikesan. Dari bulan Januari hingga 31 Ogos 1986, seramai 521 orang pendatang haram Filipina telah diusir dari negara ini.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa satu Suruhanjaya telah ditubuhkan di negara Filipina untuk mengkaji semula Perlembagaan negara itu termasuklah tuntutan terhadap Sabah, adakah Yang Berhormat Menteri telah menerima apa-apa maklumat mengenai tukaran dari segi tuntutan ke atas Sabah oleh negara Filipina? Itu soalan pertama.

Yang kedua, adakah benar bahawa pemimpin di dalam beberapa pertubuhan haram di negara Filipina

sekarang berada di Sabah. Pemimpin-pemimpin contohnya dari MNLF atau Moro National Liberation Front yang berada di Sabah sehingga wakil-wakil dari Kerajaan Filipina baru terpaksa datang ke Sandakan untuk berunding dengan mereka dalam usaha mencari keamanan baru. Dan jika ya, apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap kes ini?

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, urusan bagi mewujudkan dan memproklamkan Perlembagaan baru Filipina adalah urusan dalam negeri mereka. Apa-apa yang kita terima sebagai maklumat adalah terbitan daripada media massa ataupun maklumat yang secara langsung disampaikan oleh Kedutaan Malaysia.

Setakat ini maklumat yang diterima berhubung dengan perkembangan pembentukan Perlembagaan itu belumlah dapat diiktiraf sebagai suatu maklumat yang boleh dihuraikan di dalam masyarakat awam ataupun dihebahkan bagi pihak-pihak tertentu. Malaysia adalah mengikuti perkembangan Perlembagaan itu dan menurut fahaman kita pihak berkuasa Filipina sedang dalam proses mewujudkan Perlembagaan tersebut menerusi apa yang dipanggil, dengan izin, plebescite, dan sekiranya itu berlaku maka itu adalah hak mereka. Sama ada tuntutan ke atas Sabah itu terkandung di dalamnya sebagai bentuk atau draf akhir ataupun tidak, tidaklah dapat kita ketahui setakat ini.

Walau bagaimanapun, hubungan antara Malaysia dengan Filipina dalam hal ini tidaklah berada di peringkat yang menyulitkan oleh kerana maklumat-maklumat terus sampai menyampai antara satu dengan lain.

Tentang soalan kedua, jawabnya tidak.

Dr Abdul Hadi bin Derani: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya, adakah pihak Kerajaan mentakrifkan

semua pendatang-pendatang daripada Filipina ke Sabah sebagai pendatang haram atau sebagai pelarian yang meninggalkan negara mereka kerana takut menjadi mangsa politik dan sebagainya di negara asal mereka, seperti yang ditakrifkan oleh United Nations High Commissioner for Refugees, dengan izin, dan sekiranya ditakrifkan sebagai pelarian maka tidak perlulah mereka itu dihantar pulang.

Dato' Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, di bawah takrif pendatang haram ataupun di bawah takrif-takrif yang lain, kita bolehlah menganggap bahawa 120,000 orang yang berasal dari Filipina masuk ke Negeri Sabah kesemuanya dan dari angka tersebut 50,000 adalah terdiri dari golongan refugees.

Golongan-golongan ini tidaklah diberi kesempatan sepertimana yang telah dikemukakan. Walau bagaimanapun, mereka yang didapati bersalah tetap dihantar kembali dan mereka yang sesungguhnya merupakan pelarian adalah mendapat perhatian bukan sahaja dari Malaysia tetapi oleh Bangsa-bangsa Bersatu sendiri.

PINJAMAN PELAJARAN

9. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Pelajaran menyatakan kriteria dalam pemilihan pelajar-pelajar yang layak untuk pinjaman Kerajaan bagi membiayai pelajaran mereka dalam dan luar negeri.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tiada memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar untuk membiayai pelajaran mereka sama ada di dalam atau di luar negeri sebab itu soalan kriteria pemilihan tidak timbul. Walau

bagaimanapun, terdapat beberapa agensi Kerajaan yang memberi pinjaman kepada pelajar-pelajar dan kriteria pemilihan untuk pinjaman itu adalah ditentukan oleh agensi-agensinya berkenaan.

JALAN LUAR BANDAR — SABAH/SARAWAK

10. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalanraya-jalanraya kecil ke kampung-kampung dalam kawasan luar bandar perlu sentiasa diperbaiki khasnya di kawasan Semporna di Sulabayan dan Balung, jalanraya-jalanraya perlu dibina dan ditar untuk menghubungkan kampung dengan pekan bagi kemudahan rakyat yang tinggal di luar bandar. Jika sedar, adakah Kementerian berkenaan bercadang untuk menambah peruntukan kepada Kerajaan Negeri untuk melaksanakan projek-projek tersebut.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perhubungan jalanraya yang lebih baik di kampung-kampung di luar bandar. Dalam hubungan ini, kawasan Semporna di Sulabayan dan Balung tidak terkecuali untuk menikmati kemudahan tersebut.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan tidak mampu menyediakannya serentak pada semua kampung kerana ia melibatkan perbelanjaan yang besar. Perlaksanaannya dibuat berperingkat-peringkat, bergantung kepada keupayaan pembiayaan Kerajaan. Hakikatnya kita menyedari bahawa Kerajaan tidak pernah mengabaikan pembangunan di luar bandar termasuk di Sabah dan juga di Sarawak.

BANJIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

11. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan bagi masalah banjir kilat yang seringkali berlaku di kawasan-kawasan perumahan Kepong, terutamanya di Taman Bukit Maluri, Taman Bamboo, Kepong dan di seluruh Wilayah Persekutuan, rancangan-rancangan konkrit jangka panjang yang akan dan telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ini. Apakah jumlah wang yang akan diperuntukkan bagi penyelesaian-penyelesaian jangka panjang ini. Bagaimana pula dengan rancangan-rancangan jangka pendek. Kalau tidak ada sebarang rancangan, baik di peringkat jangka panjang mahupun di jangka pendek, mengapa.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, masalah banjir di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sememangnya mendapat perhatian utama oleh Kementerian saya. Pada keseluruhannya program mengatasi masalah ini dilaksanakan di bawah Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur, ataupun, dengan izin, Kuala Lumpur Flood Mitigation Project. Rancangan ini telah bermula dalam tahun 1974 dengan anggaran peruntukan sebanyak \$385 juta. Di antara projek-projek utama dalam rancangan ini termasuklah membina Ampangan Batu dan meninggikan Ampangan Klang Gates serta membersihkan Sungai-sungai Klang, Gombak dan Batu.

Sejak kerja-kerja bermula dalam tahun 1974 sehingga 31hb Disember, 1985, sebanyak \$115 juta telah dibelanjakan. Di samping itu, sebanyak \$5.6 juta lagi telah dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Keempat bagi kerja-kerja memperbaiki sistem perparitan di kawasan bandar.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, sebanyak \$54 juta telah diluluskan untuk menjalankan kerja-kerja jangka panjang mengatasi masalah banjir di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Di antara projek-projek yang akan dibina termasuklah menyiapkan Ampangan Batu dan meluruskan Sungai Klang.

Sejak Rancangan Tebatan Banjir Kuala Lumpur dilaksanakan dalam tahun 1974, beberapa kawasan yang sering mengalami banjir kilat seperti kepong Baru, Batu 7½ Jalan Sungai Besi, Jalan Kuchai Lama dan Jalan Bangsar telah dapat diselamatkan dari banjir.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di bawah rancangan berkenaan, kerja-kerja jangka pendek seperti desilting dan pembinaan kunci air tetap dijalankan di bawah program pengurusan. Bagi kawasan Kepong dan Jinjang khususnya adalah dimaklumkan bahawa kerja-kerja mengatasi banjir di kawasan itu sedang dijalankan. Pada tahun ini, sebanyak \$100,000 telah diperuntukkan. Kerja-kerja memperbaiki Sungai Jinjang dan menggantikan tiga buah pembentungan yang kurang besar akan bermula pada tahun 1987. Di samping itu Jabatan Parit dan Taliair, Wilayah Persekutuan telah diperuntukkan sebanyak \$5.75 juta bagi meluruskan Sungai Keroh dan \$4.22 juta bagi Sungai Jinjang dalam Rancangan Malaysia Kelima. Apabila kerja-kerja ini siap kelak, masalah banjir di Kepong akan dapat dielakkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah terjadi dengan peruntukan yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk memindahkan penduduk-penduduk di tebing sungai supaya kerja-kerja dapat dijalankan

untuk memperluaskan sungai-sungai yang disebutkan tadi dan adakah benar bahawa peruntukan yang disebutkan pada awalnya telah dikurangkan untuk mencegah banjir di Wilayah Persekutuan.?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, memang benar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan sebanyak \$15 juta bagi memindahkan setinggan-setinggan yang menduduki kawasan-kawasan rezab sungai dan peruntukan ini masih ada dan kita sedang berusaha bagi memindahkan mereka yang berkenaan peringkat demi peringkat.

Setakat ini sebanyak 150 buah rumah panjang telah dibina di Sri Segambut bagi memindahkan setinggan-setinggan dari Kampung Batu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah berakhir.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 12 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

INDUSTRI PEMBINAAN

12. Tuan Hsing Yin Shean minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Industri Pembinaan satu-satunya sektor yang diketepikan dalam pembangunan ekonomi Negara di Malaysia dan menyatakan sama ada Industri Pembinaan di Malaysia terutama di Sabah perlu disemak semula. Jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Kerajaan tidak mengeneppikan pembangunan industri pembinaan. Di antara tahun 1970—1980 sektor pembinaan telah

berkembang dengan kadar pertumbuhan purata sebanyak 9.6% setahun iaitu daripada \$475 juta pada tahun 1970 kepada \$1,186 juta pada tahun 1980. Sumbangan sektor ini dalam KDNK bagi tempoh yang sama juga meningkat iaitu daripada 3.9% tahun 1970 kepada 4.5% tahun 1980.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima, keluaran daripada sektor ini dijangka akan meningkat daripada \$3,048 juta pada tahun 1985, kepada \$4,000 juta pada tahun 1990, dan dengan itu meningkatkan sumbangannya dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) daripada 5.1% kepada 5.3% bagi tahun berkenaan. Namun begitu kadar pertumbuhan sektor ini bagi tempoh 1986—1990 dijangka lebih rendah iaitu sebanyak 5.6% setahun berbanding dengan 8.1% bagi tempoh 1981—1985. Ini disebabkan oleh hakikat bahawa pertumbuhan sektor ini di masa yang lepas sangat bergantung kepada projek-projek pembinaan Kerajaan yang kini telah berkurangan berikutan langkah Kerajaan menyesuaikan semula belanjawan pembangunannya. Namun begitu sektor ini tetap mendapat perhatian dari Kerajaan. Tidak lama dahulu Kerajaan telah pun melancarkan Rancangan Khas Rumah Kos Rendah yang melibatkan pembinaan 240,000 unit bagi tempoh 1986—1988.

Di samping itu Kerajaan juga telah membuat keputusan mengenai penggunaan simen dalam pembinaan jalan di luar bandar. Tindakan-tindakan tersebut adalah bertujuan untuk menggerakkan semula sektor industri pembinaan. Berhubung dengan kajian semula industri pembinaan Kerajaan telah pun menyiapkan Pelan Induk Perindustrian yang meliputi semua kumpulan industri. Pelan ini mengkaji kedudukan semasa, masalah-masalah yang dihadapi dan prospek tiap-tiap

kumpulan industri di Malaysia. Dengan demikian satu kajian yang lain tidak diperlukan buat masa ini.

PENIAGA TEMPATAN— KESULITAN

13. Dr Abdul Hadi bin Derani minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memberi kelegaan kepada golongan peniaga tempatan yang sedang menghadapi kesulitan aliran kewangan akibat kemelesetan ekonomi di seluruh negara.

Dato' Haji Sabbaruddin Chik: Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk melegakan kedudukan mudahtunai yang ketat bagi menolong golongan peniaga tempatan yang sedang menghadapi kesulitan aliran kewangan akibat kemelesetan ekonomi. Langkah-langkah ini termasuklah:

- (a) Mengurangkan rizab berkanun dan keperluan mudahtunai bank-bank perdagangan bagi kali yang kedua mulai 15hb Oktober, 1986. Penyesuaian yang kedua ini bersama-sama dengan penyesuaian yang pertama pada 15hb Februari, 1986 yang telah menambah mudahtunai ke dalam sistem bank berjumlah \$1,647 juta. (Untuk data terperinci sila lihat maklumat tambahan).
- (b) Pada masa yang sama, penyertaan di dalam Tabung Pelabuhan Baru (TPB) yang ditubuhkan pada bulan September, 1985 telah diperluaskan dengan memberi peluang mengurus kepada setengah-setengah bank saudagar. Syarikat Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad dan Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia menyertai

tabung ini di samping bank-bank perdagangan. Seterusnya di dalam Ucapan Belanjawan 1987 kadar faedah Pinjaman TPB telah dikurangkan sebanyak 1% kepada 10% untuk mengurangkan kos peniaga-peniaga tempatan.

- (c) Langkah-langkah telah diambil bagi melonggarkan kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Ekspor (ECR) dengan tujuan menggalakkan eksport Malaysia. Pelonggaran ini adalah bagi menggalakkan eksport Malaysia yang berasaskan barang-barang perkilangan dan pengeluaran makanan pertanian serta menggalakkan hubungan kebelakangan dengan industri-industri sokongan dalam industri eksport tempatan.
- (d) Kerajaan juga telah menubuhkan Skim Pinjaman Khas yang bernilai \$30 juta bagi menyediakan bantuan kewangan kepada peniaga-peniaga dan peniaga-peniaga kecil. Skim ini akan diselaraskan oleh Syarikat Jaminan Kredit.
- (e) Sebagai usaha lanjutan untuk membantu pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, lebih kurang 30% dari sejumlah \$150 juta kemudahan pinjaman dari Bank Dunia, yang diuruskan oleh Bank Pembangunan Malaysia akan diperuntukkan kepada pengusaha-pengusaha kecil bukan Bumiputera.

Perkara-perkara di atas adalah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk membantu peniaga-peniaga tempatan. Walau bagaimanapun usaha-usaha seterusnya perlulah diambil oleh peniaga-peniaga tempatan sendiri untuk mengurangkan

kos dan pembaziran dan seterusnya meningkatkan efisiensi dan produktiviti.

PENGAJARAN BAHASA CINA/TAMIL

14. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan memastikan semua anak murid keturunan Tionghua dan India di dalam sekolah-sekolah menengah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan mempelajari dan mengambil peperiksaan bahasa ibundanya. Jika tidak, apakah alasannya.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Akta Pelajaran 1961 pengajaran Bahasa Cina dan Tamil di sekolah menengah kebangsaan dan sekolah rendah kebangsaan boleh diadakan sekiranya terdapat permohonan dari ibubapa murid-murid yang bilangannya tidak kurang dari lima belas orang dan tertakluk juga kepada adanya kemudahan dan kemampuan yang mencukupi di sekolah-sekolah berkenaan.

Oleh kerana itu soal memaksa atau memastikan murid-murid belajar bahasa-bahasa tersebut tidak timbul. Murid-murid juga boleh mengambil matapelajaran tersebut dalam peperiksaan.

ZIONIST PLOT

15. Dr Eng Seng Chai minta Perdana Menteri menyatakan nama dan identiti orang-orang, pertubuhan-pertubuhan, dan parti-parti politik, asalnya tempatan atau asing, yang terbabit dalam satu "Zionist Plot" atau suatu "Perkongsian Jewish" yang Perdana Menteri rujuk dalam ucapannya dan pertanyaannya pada bulan Julai dan Ogos, 1986.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdul Ajib bin Ahmad): Pertanyaan ini telah pun dijawab oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama-sama dengan pertanyaan Ahli Yang Berhormat bagi Seremban pada 10 Oktober yang lalu. Saya tidak ada apa-apa perkara yang hendak ditambah.

PENCEN KEPADA PESARA—BAYARAN DIHENTIKAN

16. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah bayaran pencen yang dihentikan kepada pesara-pesara sejak Ogos 1985 dan sebab-sebab ini dilakukan dan sama ada pembayaran pencen telah disambung semula; jika tidak mengapa dan nyatakan bagaimana Kerajaan mengharapkan pesara-pesara hidup tanpa bayaran pencen, sama ada Kerajaan telah menggubal polisi pencen kepada pemencen dan menghentikan pencen mereka dan adakah perlakuan sedemikian melibatkan penipuan ke atas kakitangan Kerajaan.

Dato' Abdul Ajib bin Ahmad: Terdapat seramai 686 pesara di Negeri Sabah yang telah diberhentikan bayaran pencen mereka yang melibatkan bayaran pencen lebih kurang \$84,000.00 sebulan. Pemberhentian bayaran pencen kepada mereka yang terlibat adalah hasil kajian yang dibuat oleh pegawai-pegawai Bahagian Pencen dari 8hb hingga 23hb Julai 1985. Adalah didapati bahawa mereka yang terlibat ini mempunyai tempoh perkhidmatan yang meragukan dan ramai dari mereka yang tidak mempunyai rekod perkhidmatan sejak dari mula dilantik.

Walau bagaimanapun sukalah saya memaklumkan bahawa pemberhentian bayaran tersebut bukanlah dibuat secara muktamad

kerana masalah ini timbul bukan semata-mata sebab kecuaiannya pesara itu sendiri sahaja. Sebab itulah pihak Jabatan Perkhidmatan Awam sedang berusaha untuk mendapatkan butir-butir lanjut berkenaan dengan perkhidmatan pesara yang terlibat bagi membolehkan pencen mereka dipulihkan semula sekiranya layak.

Sukalah saya menegaskan bahawa pemberhentian yang dibuat bukanlah kerana satu polisi pencen yang baru yang bertujuan untuk memberhentikan bayaran yang telah dibuat. Saya menyangkal sama sekali bahawa pemberhentian tersebut merupakan satu penipuan ke atas pesara-pesara yang terlibat tetapi satu langkah yang terpaksa dilakukan kerana Jabatan Perkhidmatan Awam mendapati bahawa keperluan kelayakan untuk mendapatkan faedah-faedah persaraan bagi mereka ini adalah tidak mengikut peraturan dan undang-undang.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1987

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1987

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 1987 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujukkan

kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulanwang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari \$6,672,535,390 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1987, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1987 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 tahun 1986, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." (29hb Oktober, 1986).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, sila sambung.

3.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah cuba menjustifikasikan ketidakseimbangan di antara kawasan pengundian di luar bandar dan bandar dengan menunjukkan bahawa amalan ini juga dipraktikkan di Amerika Syarikat di mana setiap negeri berhak menghantar dua orang wakil ke Dewan Senate, walaupun terdapat jurang perbezaan jumlah penduduk yang besar antara negeri-negeri.

Beliau menjelaskan dengan panjang lebar di Perhimpunan Agung UMNO tentang kes New Jersey dan California di mana jumlah penduduk negeri California melebihi dengan empat kali ganda berbanding dengan jumlah penduduk New Jersey. Walau

bagaimanapun, apa yang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri gagal menyatakan ialah amalan ketidakseimbangan yang dipraktikkan di Amerika Syarikat demi memastikan negeri-negeri kecil mempunyai suara dan mendapat perwakilan yang berpatutan di peringkat kebangsaan juga diseimbangkan oleh sistem pembahagian kerusi-kerusi Kongres yang berdasarkan kepada jumlah penduduk sesebuah negeri.

Dengan menggunakan contoh yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita mendapati bahawa menurut rekod-rekod Kongres yang terbaru serta banci penduduk Amerika Syarikat, 1984, negeri New Jersey yang mempunyai jumlah penduduk sebanyak 7.5 juta, mendapat 14 kerusi Kongres, sementara itu negeri California dengan 25.6 juta penduduk diperuntukkan 45 kerusi dalam Kongres. Pembahagian ini dengan jelasnya menunjukkan kerusi Kongres telah diperuntukkan berdasarkan faktor jumlah penduduk negeri-negeri itu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mungkin sedar atau tidak bahawa Kongres Amerika Syarikat merupakan Dewan Perundangan yang terpenting sekali di dunia dan Tuan Speaker Kongres merupakan calon ketiga dalam sistem penggantian Presiden iaitu selepas Presiden dan Timbalan Presiden. Oleh itu melainkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedia untuk mengikuti model Amerika Syarikat dan menggubal sistem pemilihan Ahli-ahli Dewan Negara dengan secara langsung berdasarkan jumlah penduduk demi menjadikan sebuah Dewan Perundangan yang berkesan dan bukan cuma menjadi "tong sampah" untuk menampung ahli-ahli politik yang terkandas dalam pilihanraya beliau tidak seharusnya

menggunakan contoh-contoh demokrasi.

Tuan Mohamed Sam bin Sailan:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, ada orang yang bangun untuk minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, saya ada banyak lagi, saya tak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, dia tak beri jalan.

Tuan Lim Guan Eng:
Ketidakseimbangan di antara kawasan pengundian luar bandar dan bandar di negara kita. Amalan ketidakseimbangan ini tidak pernah wujud dalam mana-mana negara yang mempraktikkan sistem demokrasi berparlimen yang bernafas dan juga amalan ini sebenarnya bercangah dengan persetujuan antarabangsa mengenai hak-hak sivil dan politik. Tuan Yang di-Pertua, DAP merupakan.

Tuan Mohamed Sam bin Sailan:(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada orang yang bangun. Boleh beri jalan?

Tuan Lim Guan Eng: Tidak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tidak beri jalan. Sila teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: DAP merupakan sebuah parti berbagai bangsa yang diasaskan atas prinsip-prinsip demokratik sosialisme. Kami percaya bahawa untuk mencapai prinsip-prinsip dan matlamat-matlamat Rukunegara, kita mesti

menggunakan pendekatan Malaysia sejagat dalam menghadapi masalah-masalah negara supaya dapat membentuk perpaduan kebangsaan yang tulen.

Kita tidak nampak bagaimana pendekatan ethnic dalam proses pembentukan negara yang dipraktikkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sekarang dapat mencapai perpaduan negara. Ini kerana sensitiviti di antara kaum akan dipertingkatkan lagi dan akan terus membahagikan rakyat Malaysia mengikut kelompok-kelompok kaum. Polarisasi kaum akan bertambah buruk lagi dan saya percaya bahawa ia akan meningkat kepada peringkat perang dingin di antara kaum-kaum di negara kita. Kesedaran kelas haruslah dibangkitkan dan semangat perkauman pula hendak dipadamkan. Pendekatan sedemikian semestinya akan menghasilkan, khasnya dalam usaha membasmi kemiskinan dan orang Melayu yang sebilangan besarnya terdiri dari golongan yang termiskin akan terus menerima perhatian yang penuh. Walau bagaimanapun, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional pada amnya dan UMNO khasnya tidak akan berminat dengan pendekatan ini, kerana ini cuma akan merosakkan landasan kuasa mereka yang bergantung kepada semangat perkauman Melayu.

Tujuan mereka ialah untuk mengekalkan kuasa mereka dan apatah lagi mereka mempunyai satu formula yang tidak ada tolok banding, iaitu berdasar memecah-belah dan memerintah di antara kaum. Adalah sangat ironis bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memuji diri sendiri sebagai pemimpin anti-kolonial yang unggul dapat menjadi pemimpin utama yang menyokong dasar memecah-belah dan memerintah warisan kolonial British. Pihak Kerajaan mesti insaf bahawa mereka tidak boleh mengekalkan

dasar-dasar diskriminasi dan membahagikan rakyat berbagai kaum kita. Selagi setiap isu atau cadangan dipengaruhi oleh persepsi dan pandangan kepentingan kaum, selagi itu masalah kekurangan keyakinan akan bertambah rumit lagi.

Krisis keyakinan terhadap sistem politik kita kini dikukuhkan lagi dengan kesangsian orang ramai terhadap laporan-laporan berita. Penerangan dan berita yang dilaporkan dilihat sebagai tidak boleh dipercayai kerana kebanyakan suratkhbar dimiliki oleh parti-parti komponen Barisan Nasional dan juga penguatkuasaan Undang-undang Penerbitan yang restrictive serta ugutan-ugutan pihak pemerintah untuk menarik balik permit KDN. Tetapi ini bukan semuanya. Apa yang lebih teruk lagi ialah pihak Kerajaan telah membentangkan suatu Rang Undang-undang di Dewan Rakyat untuk meminda Akta Rahsia Rasmi yang mengandungi peraturan-peraturan yang begitu mengongkong sehingga media massa, dengan izin, Fourth Estate seakan-akan akan menghadapi maut.

Ada setengah-setengah peguam berpendapat bahawa pindaan kepada Akta Rahsia Rasmi ini telah merangkumi perkara-perkara yang begitu comprehensive sehingga seseorang yang menunjuk surat yang ditandakan sulit dari Jabatan Hasil Dalam Negeri kepada kawannya akan dianggap sudah melakukan kesalahan di bawah Akta itu. Penggubalan Akta yang tidak ada terbatasi ini cuma menunjukkan bahawa Kerajaan ingin menyimpan rahsia tentang sesuatu yang tidak etika dan haram supaya rahsia-rahsia itu tidak dapat dibongkarkan. Dengan ini Kerajaan tidak perlu berlaku dengan pura-puranya sebagai ia sebuah pentadbiran yang bertanggungjawab kepada rakyat. Bagaimanakah kita boleh mengharapkan sektor swasta

tempatan dan asing yang dikenalpasti sebagai jentera untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi kita untuk menanam modal-modal mereka jika mereka tidak mempunyai keyakinan terhadap suasana alam politik negara kita. Malahan pula tiga isu yang tercetus selepas pilihanraya ini telah mempertingkatkan lagi masalah kekurangan keyakinan.

Tuan Yang di-Pertua, sampai hari ini Kerajaan masih belum dapat mengumumkan sebuah rancangan penyelamat selepas membekukan aset-aset dua buah koperasi kewangan kira-kira 3 bulan yang lalu. Kerajaan mesti memperuntukkan wang supaya 540,000 orang penyimpan-penyimpan kecil mendapat balik simpanan-simpanan mereka. Terdapat 4 sebab mengapa Kerajaan sepatutnya memikul tanggungjawab yang sepenuhnya atas kejadian skandal ini

- (1) Jabatan Pembangunan Koperasi sebagai sebuah Badan Berkanun Kerajaan harus dipertanggungjawabkan kerana ianya telah gagal melakukan penyelarasan yang baik ke atas koperasi-koperasi kewangan ini. Tambahan pula Jabatan itu telah memberi sokongan serta mengizinkan koperasi kewangan ini dengan mengeluarkan kelulusan kepada koperasi itu untuk menerima wang pencaruman, kononnya berdasarkan kepada kedudukan kewangan yang sihat serta pengurusan yang cekap.
- (2) Kerajaan enggan mengambil sebarang langkah yang berpatutan untuk melindungi kepentingan pencarum-pencarum kecil ini walaupun pemimpin-pemimpin DAP pernah memberi beberapa amaran kepada pihak yang berkenaan. Sebaliknya Kerajaan cuma bertindak

membekukan aset-aset koperasi kewangan ini selepas pilihanraya umum semata-mata untuk mengelakkan kekalahan lebih terus pemimpin-pemimpin MCA (*Tepuk*). Ini amat jelas sekali kerana Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Yang Berhormat dari Gopeng adalah dua orang daripada beberapa pemimpin-pemimpin MCA yang dibekukan aset-aset mereka.

- (3) Kerajaan mesti dipertanggungjawabkan kerana ia mengenakan cukai 5% ke atas semua faedah simpanannya melebihi \$10,000 yang diterima oleh pencarum-pencarum koperasi kewangan sepertimana yang dikenakan ke atas institusi-institusi kewangan. Dengan ini Kerajaan mengangap koperasi-koperasi kewangan ini adalah serupa dengan institusi kewangan yang lain dan seharusnya memberi perlindungan yang sama kepada pencarum-pencarum koperasi kewangan juga.
- (4) Lebih penting lagi ialah Kerajaan pernah memperuntukkan 2.5 bilion untuk menyelamatkan Bank Bumiputra dan mengeluarkan \$150 juta untuk menyelamatkan Bank Rakyat. Sekiranya Kerajaan boleh mengambil langkah-langkah ini, saya tidak mengerti mengapa Kerajaan tidak sanggup menyelamatkan koperasi kewangan ini memandangkan hakikat bahawa Bank Rakyat adalah juga sebuah koperasi kewangan.

Maka langkah alternatif yang terbuka kepada Kerajaan ialah memperuntukkan wang yang mencukupi untuk menjamin pencaruman dalam koperasi

kewangan itu. Sambil menunggu butir-butir lanjutan rancangan menyelamatkan ini disiapkan, sebuah tabung kecemasan interim sebanyak \$100 juta harus disediakan untuk meringankan beban kewangan yang dihadapi oleh 540,000 penyimpan-penyimpan kecil itu. Pengarah-pengarah koperasi kewangan ini yang telah melakukan kesalahan memecah amanah dan menyalahgunakan wang koperasi haruslah dihadapkan ke Mahkamah. Sambil menunggu keputusan penyiasatan pihak Polis adalah wajar sekiranya Kerajaan membekukan semua aset-aset pengarah-pengarah itu di mana pembekuan asal telah dibatalkan. Pasport antarabangsa mereka juga perlu ditahan supaya mereka tidak melarikan diri ke seberang laut seperti apa yang berlaku dengan penjenayah-penjenayah yang terbabit dalam skandal BMF. Tuan Yang di-Pertua, sebuah surau yang kemudiannya telah didapati didirikan secara haram di atas tapak tanah permainan di Taman Kerjasama Bukit Beruang, Melaka. Penduduk-penduduk di sekitar estate perumahan itu yang terdiri daripada 88% orang bukan beragama Islam merasa tidak puas hati kerana pihak berkenaan tidak merunding dengan penduduk itu mengenai pembinaan surau itu. Pihak berkenaan telah tidak menghiraukan perasaan dan pandangan para penduduk dan juga tidak menjelaskan mengapa surau itu tidak didirikan di atas tapak asal yang ditetapkan hanya kira-kira 500 meter dari taman permainan itu. Oleh itu penduduk-penduduk tidak mempunyai pilihan lain melainkan memohon perintah Mahkamah untuk menghentikan pembinaan surau.

Tuan Zubir bin Embong: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Apa Yang Berhormat?

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, point of order. Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan soal penubuhan surau di sebuah taman yang disebutkan sebentar tadi dan ini pada pendapat saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of order nombor berapa?

Tuan Zubir bin Embong: Nantilah, saya hendak sebutkan ini. (*Boo!*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti! Yang Berhormat teruskan.

Tuan Zubir bin Embong: 36 (10) (c). 36 (10) (c) menyatakan "perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum dalam Malaysia. . . .". Oleh kerana suara itu mestilah dikaitkan dengan kaum Melayu yang beragama Islam, jadi ucapan itu tentulah akan menimbulkan perasaan sakit hati di kalangan orang-orang Islam di negara ini. Jadi sepatutnya ianya diucapkan kerana dalam Dewan ini ada Wakil Rakyat yang terdiri daripada orang-orang Islam.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah Yang Berhormat menyebut apakah perkataan yang dikatakan menghasut perasaan?

Tuan Zubir bin Embong: Yang Berhormat dari Kota Melaka lebih mengerti daripada saya, kerana dia sendiri menyebut perkataan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Dia tidak boleh buat omong-omong kosong sahaja (*Tepuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Dalam Dewan ini kita benarkan Ahli-ahli bertepuk

meja, tetapi cara tepukan amalan adat resam Parlimen ialah dengan tepukan perlahan-lahan. Tetapi apabila tepukan itu mengganggu ketenteraman Dewan ini, kita tidak akan membenarkannya. Jadi, saya harap apa yang berlaku sebentar tadi tidak akan berulang lagi.

Jadi, saya membuat keputusan bahawa apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi membangkitkan perkara surau itu memang ada, boleh membangkitkan perasaan di antara kaum di Malaysia ini dan saya harap Yang Berhormat jangan sebutkan lagi dan teruskan ucapan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sebutkan ialah ada satu kes mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan ucapan, jangan berhujah dengan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Oleh itu, penduduk-penduduk tidak mempunyai pilihan lain, melainkan memohon perintah mahkamah untuk menghentikan pembinaan surau itu, kerana ia tidak menerima kelulusan dari pihak yang berkuasa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya kata jangan sebut perkara itu lagi, tajuk itu, sebut yang lain.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi apakah perkataan yang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Jangan berhujah dengan saya.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua mesti beri alasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat menyebutkan mengenai

dengan surau dibina di tanah haram di mana perkara ini menimbulkan kemarahan kepada penduduk-penduduk sekitarnya, itulah lebih kurangnya, yang itu telah dibangkitkan oleh.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi itu satu kes mahkamah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, nanti, duduk, duduk! dibangkit oleh Ahli dari Kuala Terengganu dan gambaran saya tadi, saya berfikir bersama dengan beliau. Jadi teruskan. Perkara ini jangan disebut. Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk! Tak payah penjelasan lagi, Yang Berhormat.

Tuan Hu Sepang: Kalau dia beri, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tak benarkan Yang Berhormat membuat penjelasan, duduk! Teruskan Yang Berhormat dari Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa menerima keputusan Tuan Yang di-Pertua sungguhpun hak-hak rakyat di kawasan tersebut tidak dapat disuarakan dalam Dewan yang mulia ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita sering mendengar ucapan-ucapan keras Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentang demokrasi Barat dan tidak mahu menundukkan kepada orang asing, kita mendapati bahawa Kerajaan nampaknya tidak begitu minat melindungi kepentingan-kepentingan pelajar-pelajar kita yang berada di seberang laut. Apabila

Kerajaan Australia mengumumkan kenaikan yuran pelajaran sebanyak 5% hingga 41% baru-baru ini, Yang Berhormat Menteri Pelajaran cuba mengajak pelajar-pelajar Malaysia mencari tempat universiti di negara-negara lain sahaja. Kerajaan seolah-olahnya telah membiarkan pelajar-pelajar Malaysia di Australia menghadapi kesulitan kewangan begitu sahaja. Tindakan ini tidak seharusnya datang dari sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, sekurang-kurangnya Kerajaan kita harus membantah kepada Kerajaan Australia untuk membatalkan kenaikan yuran sebagai usaha untuk memperbaiki imbalan dagangan antara kedua-dua buah negara ini kerana.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada gangguan. Boleh beri?

Tuan Lim Guan Eng: Beri.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, point of order. 36 (10) (b) "perkataan-perkataan membangkitkan perasaan melawan kuasa Kerajaan". Dan juga 36 (6) "seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat. . . ."

Saya kira Yang Berhormat tadi telah mengeluarkan sangkaan jahat, kerana dia mengatakan seolah-olah Kerajaan membiarkan pelajar-pelajar di Australia itu dalam keadaan demikian sedangkan sudah banyak bantuan yang diberikan kepada para pelajar. Nampaknya dia hanya pandai berkata-kata tanpa bukti dan hujah-hujah yang betul. Jadi ini perlu diberhentikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat buktikan apakah bantuan yang diberikan kepada pelajar-pelajar di Australia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk dahulu!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya minta Yang Berhormat buktikan apakah yang dikatakan Kerajaan membiarkan pelajar-pelajar di Australia itu. Buktikan sekarang kepada Dewan!

Tuan Lim Guan Eng: Itu adalah kenyataan Menteri Pelajaran.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Apa kenyataan? Berikan kenyataan itu?

Tuan Lim Guan Eng: Kenyataan Menteri Pelajaran bahawa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Siapa kata biarkan? Berikan kenyataan?

Tuan Sim Kwang Yang: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Marang, duduk sekejap! Yang Berhormat dari Kota Melaka, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sekurang-kurangnya Kerajaan kita harus membantah kepada Kerajaan Australia untuk membatalkan kenaikan yuran sebagai usaha untuk memperbaiki imbalan dagangan antara kedua-dua buah negara ini kerana Australia mempunyai kelebihan dagangan sebanyak \$600 juta menurut anggaran akhir tahun 1985. Saya pasti bahawa Kerajaan

Australia akan menimbang permintaan Kerajaan kita kerana sememangnya Australia tidak ingin menjejaskan pertalian perdagangan yang menghasilkan kelebihan dagangan sebanyak \$600 juta berbanding dengan tambahan \$25 juta yang mungkin dipungut dari pelajar-pelajar Malaysia ekoran kenaikan yuran itu. Kerajaan mesti mengambil tindakan yang sejajar dengan apa yang mereka heboh-hebohkan. Kalau Kerajaan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Minta apa?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, minta penjelasankah atau point of order?

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Minta penjelasan.

Tuan Lim Guan Eng: Tak beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia tak beri. Yang Berhormat dari Marang, sila duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tak boleh, dia cakap, dia tuduh sahaja. Itulah penakut, tak bertanggungjawab. Bercakap sahaja pandai, tak ada tanggungjawab (*Disampuk*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Kalau Kerajaan gagal membuat demikian, maka apa yang dijanjikan akan menjadi omong-omong kosong sahaja dan tidak akan menimbulkan keyakinan dari rakyat. Kerajaan

Barisan Nasional mesti melayani semua rakyat tanpa mengira kaum dengan kemuliaan dan kehormatan yang sewajarnya. Kebebasan menganut agama dan kebebasan serta hak-hak menerima pendidikan rakyat yang terdiri dari kaum minority haruslah tidak boleh dipertikaikan lagi sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan, tetapi malangnya Kerajaan Barisan Nasional telah gagal dalam segi ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya beri 3 minit lagi.

Tuan Lim Guan Eng: Tak cukup, minta 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah lama, saya ingat sudah dekat setengah jam. 3 minit, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: 10 minit tak boleh!

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang Yang Berhormat dari Tanjong pernah menyoalkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebanyak dua kali di Dewan yang mulia ini mengenai pinjaman \$20 juta beliau dari Cooperative Central Bank yang tidak dibayarkan khidmat hutang dan tidak mempunyai cagarang yang mencukupi.

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang bangun. Penjelasankah atau point of order?

Tuan Chua Jui Meng: Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36(9). Sudah kerap kali ini dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Lim Guan Eng: Buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, apa perkara yang disebutkan tadi, saya tak jelas.

Tuan Chua Jui Meng: Ini kelakuan atau sifat siapa ahli-ahli Parlimen tidak boleh disebutkan dalam Dewan ini.

Tuan Lim Guan Eng: Apakah kelakuan yang saya sebutkan?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti.

Tuan Chua Jui Meng: Yakni meminjam wang yang selalu dibangkitkan, ditimbulkan oleh Pembangkang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat, saya henak penjelasan juga. Apa yang disebutkan tadi?

Tuan Chua Jui Meng: Pinjaman \$20 juta dan kerap kali dibangkit oleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, oleh siapa?

Tuan Chua Jui Meng: Oleh Timbalan Menteri.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk! Yang Berhormat dari Kota Melaka, teruskan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih. Suratkhbar-suratkhbar yang pro MCA telah bangkit untuk memberi perlindungan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, sila duduk! Point of order berapa?

Tuan Shahidan bin Kassim: Untuk Ahli-ahli yang tak bercakap 41(a), sebab saya rasa kadang-kadang soalan Yang Berhormat tadi dituju kepada orang lain, orang lain yang jawab. Saya ingat ini bukan market, ini ialah Dewan yang mulia. 41(a)—*(Disampuk)* Cuba tengok, saya cakap kepada Tuan Yang di-Pertua, orang lain sudah bercakap ramai-ramai, Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada adab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat 41(a) ini untuk masuk keluar sahaja. *(Ketawa)*. Yang mana tu?

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, “semua ahli-ahli hendaklah hormat masuk ke Dewan atau keluar daripada Dewan atau membawa diri dalam Dewan.”. Beradap sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila duduk Yang Berhormat! Ahli-ahli Yang Berhormat, apabila ahli-ahli lain yang berucap, saya harap yang lain selain daripada yang berucap itu diam sebelum mendapat kebenaran daripada saya untuk berucap. Teruskan Ahli Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: . . . bahawa pinjaman \$20 juta ini adalah bertujuan untuk membantu MCA dan Presiden partinya ketika itu Yang Berhormat dari Gopeng. Kalau begitu maka pucuk pemimpin MCA khususnya para Menteri MCA seharusnya memikul tanggungjawab untuk menjelaskan dan memberitahu tentang pinjaman sebanyak \$20 juta itu. Sebaliknya Presiden MCA yang juga menjadi Menteri Pengangkutan tidak memberi tahu akhbar-akhbar bahawa pinjaman

\$20 juta ini adalah pinjaman perniagaan yang biasa diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sebelum pilihanraya umum dan perlintikannya sebagai Timbalan Menteri. Oleh itu tiada siapa pun harus campur tangan dan sibuk-sibuk dengan hal peribadi Yang Berhormat Timbalan Menteri itu.

Bagaimanakah Kerajaan Barisan Nasional atau pemimpin-pemimpin MCA boleh mengakui mereka selalu jujur dan mahukan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah apabila mereka tidak bersedia untuk menjawab kemusyikilan orang ramai tentang urusanniaga-urusanniaga mereka yang boleh diragu-ragui. DAP menyeru kepada pihak Kerajaan supaya mengadakan penyiasatan umum yang penuh ke atas pinjaman \$20 juta yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dari Cooperative central Bank yang tidak dibayarkan khidmat hutang dan tidak mempunyai cagaran yang mencukupi supaya dapat memastikan perkara-perkara berikut:

Tuan Chua Jui Meng: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Point of orderkah Yang Berhormat?

Tuan Chua Jui Meng: Point of order 66(3). Hal ini tidak ada kaitan dengan Bil ini. Apa kaitan pinjaman wang oleh Timbalan Menteri dengan Bil ini? Apa kaitannya?

Tuan Lim Guan Eng: Saya sebutkan.

Tuan Chua Jui Meng: Tidak ada relevance.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan berhujah dengan dia. Duduk! Teruskan Yang Berhormat. Injuri time sudah masuk.

Tuan Lim Guan Eng: Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu boleh mendapat pinjaman sebanyak \$20 juta daripada Cooperative Central Bank?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti. Yang Berhormat dari Kepong hendak minta penjelasan. Ya, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, beliau mengadakan satu ucapan yang ulung. Pada amalan Dewan Rakyat, ucapan ulung tidak boleh diganggu. Itu satu amalan yang suci yang hendak dipatuhi.

Tuan Lim Guan Eng: Dengan menggunakan cagaran sebidang tanah yang telah dijual kepada Sri Keladi Sdn Bhd oleh Supreme Enterprise Sdn Bhd dengan harga \$9.6 juta pada 6hb Mei, 1986.

Bagaimanakah Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mendapat pinjaman dari Bank itu pada hari yang sama iaitu 16hb Mei, 1986 dan apakah pertalian sebenar wujud di antara Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, Supreme Enterprise Sdn Bhd, Sri Keladi Sdn Bhd dan Bank Pusat Koperasi dalam urusan pinjaman ini kerana terdapat berbagai perkara yang boleh disangsikan. Adakah pinjaman \$20 juta yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu dari Cooperative Central Bank itu digunakan untuk membolehkan Presiden MCA pada ketika itu iaitu Yang Berhormat dari Gopeng membayar balik \$18 juta kepada Multi Purpose Holdings Bhd pada 7hb Mei memandangkan Lembaga Pengarah Multi Purpose Sdn Bhd telah memberikan amaran bahawa mereka akan melaporkan kepada pihak polis sekiranya Yang Berhormat dari Gopeng tidak membayar balik \$43 juta yang terhilang supaya Juruaudit mereka dapat menyediakan laporan

yang lengkap mengenai akaun MBH bagi tahun 1985.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Injury time, tadi saya telah dikacau.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Sudah lebih.

Tuan Lim Guan Eng: Boleh saya gulung?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ya, gulung sekarang.

Tuan Lim Guan Eng: Bukankah benar bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengiringi Yang Berhormat dari Gopeng ke Pejabat MBH untuk membayar balik \$18 juta dan membayar bakinya sebanyak \$5 juta untuk menggunakan cek-cek yang post-dated dari 19hb Mei, 1986. Mengapa Presiden MCA dan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengelirukan orang ramai dengan menyatakan bahawa pinjaman sebanyak \$20 juta itu adalah pinjaman urusan yang biasa Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedangkan ia digunakan untuk tujuan mengelakkan Yang Berhormat dari Gopeng dari menghadapi sesuatu yang memalukan sekiranya MBH melaporkan kepada pihak polis tentang kehilangan wang yang berjumlah berjuta-juta ringgit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, itu bukan menggulung, itu melanjutkan. Gulung, maksudnya habiskan.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan habiskan. Saya minta tiga minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Saya tidak benarkan, masa sudah cukup.

Tuan Lim Guan Eng: Adakah benar bahawa baki sebanyak \$5 juta itu dibayar balik kepada MBH yang menggunakan wang sebuah syarikat milik MCA yang telah melanggar syarat-syarat Akta Syarikat dan melakukan tindakan pecah amanah. Apakah sebenarnya latar belakang tentang \$23 juta di mana MBH akan melaporkan kepada pihak polis sekiranya Yang Berhormat dari Gopeng gagal membayar balik wang itu. Adakah benar bahawa pucuk pimpinan MCA kini sedang cuba menggunakan satu lagi syarikat yang dikuasai oleh MCA untuk membayar semua hutang kepada pinjaman \$20 juta yang diperolehi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Cooperative Central Bank. Adakah ini sebabnya mengapa pihak pengurusan atasan sebuah akhbar Cina di Malaysia sedang mengalami pergolakan kacau-bilau ekoran daripada faktor ini disebabkan di atas. Pinjaman \$20 juta ini bukanlah skandal yang melibatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sendiri sahaja tetapi merupakan skandal yang membabitkan seluruh barisan pucuk pimpinan MCA sekarang.

Saya mencabar Menteri-Menteri dan pemimpin-pemimpin MCA supaya mengambil langkah-langkah inisiatif untuk meminta MCA supaya meletakkan sebuah badan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, tiga empat kali saya sudah cakap cukup. Sila Yang Berhormat duduk! Sekarang saya beri peluang kepada Yang Berhormat dari Julau.

4.12 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan ucapan setinggi tahniah di atas pemilihan semula Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan kedua-dua

Timbalan Yang di-Pertua bagi Parlimen Penggal kita pada kali ini. Kita mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana Kerajaan Barisan Nasional dapat sekali lagi memerintah negara ini dan tidak lupa saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan semua ahli-ahli Kabinet Menteri serta semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat sekali lagi kita bersua di dalam Dewan yang mulia ini sebagai Wakil Rakyat negara Malaysia.

Kalau kita merenung dan meneliti kembali ucapan Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu, kita dapati ianya lengkap, bersepadu dan banyak berjimat-cermat dalam pengagihan peruntukan dan setiap sektor di mana penekanan banyak ditumpukan kepada pembangunan luar bandar. Dengan yang demikian, sekalipun negara kita menghadapi kelembapan ekonomi, namun rakyat di luar bandar telah mendapat perhatian khusus pada Belanjawan negara bagi penggal Parlimen kali ini. Dengan yang demikian, saya sebagai Wakil Rakyat datangnya dari daerah pendalaman di Sarawak sudah tentu berusaha menyokong dan berikrar akan berusaha bersama rakyat setempat bagi kesejahteraan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita ghairah memperkatakan soal-soal pembangunan yang khusus ditekankan kepada masyarakat luar bandar, maka sudah tentu penilaian semula terhadap apa yang telah kita buat semenjak merdeka harus dijalankan panduan dan kayu pengukur sejauh manakah keberkesanan strategi yang akan kita halakan pada kali ini dan masa-masa akan datang. Bagi keperluan itu, saya akan bahagikan perbahasan saya kepada empat perkara pokok yang secara langsung ada kaitannya dengan pembangunan negara dan luar bandar seperti: pertama, pembangunan infrastruktur, kedua, pembangunan

industri kampung; ketiga, pembangunan media massa; keempat, pembangunan DEB - Dasar Ekonomi Baru.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melaksanakan dasar dan strategi negara maka sudah tentu tidak dapat tidaknya pembangunan infrastruktur bagi jalan raya, titi dan jambatan-jambatan kayu, membaiki masjid, gereja, kuil, membaiki balairaya, balai bacaan dan sebagainya untuk memenuhi keperluan asas bagi menyumbang dan membantu kepada pembangunan sosio-ekonomi sesebuah masyarakat itu.

Pembinaan jalan raya pada awal kemerdekaan dahulu menjadi daya penggerak bagi kawasan-kawasan luar bandar terutamanya bagi daerah pendalaman. Sebagai daya perhubungan maka sudah sememangnya diberi perhatian yang wajar terhadap pelaksanaan pembangunan secara menyeluruh bukan sahaja jalan raya utama bahkan jalan raya yang menghubungkan kawasan perkampungan di mana sebilangan besar masyarakat bumiputera yang lebih khusus lagi masyarakat Iban itu tinggal.

Kalaulah kita lihat pada pembinaan rangkaian jalan raya di Sarawak sememangnya dari segi liputan panjangnya menjadi kayu pengukur ke atas pencapaian matlamat menyediakan kemudahan perhubungan di Sarawak, namun demikian liputan penduduk yang direntangi oleh jalan raya utama itu masih belum mencapai ke hala manakah kemudahan itu dapat menyumbangkan ke arah perkembangan sosio ekonomi masyarakat luar bandar di Sarawak masih diragui.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Kerajaan Pusat mengambil alih pentadbiran dan pembinaan jalanraya utama di negeri Sarawak sangatlah dialu-alukan. Keadaan jalan raya utama mulai dari Sungai Tengang hingga ke Bandar Seri Aman sekalipun diturap tetapi masih dalam keadaan tidak ubah belayar di tengah gelombang. Manakala jalan raya dari Bandar Seri Aman sehinggalah ke Miri hanya dibina dengan batu kuari dan batu kelikir sahaja. Dengan ini saya menggesa Kerajaan supaya mempercepatkan lagi usaha membesar, membaiki dan menurapkan jalan seperti yang telah saya gambarkan sebentar tadi.

Di musim tengkujuh jalan raya di antara Lubuk Antu ke Sarikei dan di antara Bintangor ke Sibu selalu mengalami kerosakan dan memutuskan perhubungan buat beberapa waktu. Kejadian jalan putus ini sering berlaku pada tiap-tiap tahun.

Kebelakangan ini terlalu banyak masa JKR dihabiskan bagi membina jalan raya di pekan dan begitu juga pihak perbandaran di mana peruntukan yang begitu besar itu hanya untuk kepentingan metropolitan sahaja. Apa khabar orang kampung sudahlah jauh di pedalaman terpaksa menghadapi masalah pengangkutan bagi barang keperluan harian dan juga kesukaran hendak membawa keluar hasil pertanian maka sudah tentu ini akan menghimpitkan lagi keadaan sosio ekonomi mereka. Dengan yang demikian saya minta perhatian yang khusus dari Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya kepincangan serupa ini dibendung untuk membina dan menaikkan taraf hidup masyarakat di luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pemasaran hasil keluaran utama dan juga menerokai hasil rimba untuk

dijadikan sumber motivasi ekonomi sangatlah digalakkan dalam kaedah perkembangan industri kampung. Kita memang menyokong dan sentiasa bekerjasama dalam pelaksanaan program industri kampung supaya dapat mempercepatkan pengaliran ekonomi kewangan kepada penduduk-penduduk luar bandar selaras dengan kemudahan infrastruktur yang telah diberikan dalam usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Dayak di luar bandar.

Projek industri kampung ini memang tidak dipertikaikan hasilnya kepada rakyat luar bandar tetapi malangnya kegiatan sektor ini di Sarawak tidak mendapat publisiti dan penekanan yang khusus. Penerangan terhadap konsep serupa ini harus disebar luas oleh agensi yang berkaitan.

Sangat dikesali satu agensi Kementerian yang ada nampak wujud di Sarawak ialah KEMAS. Tetapi KEMAS hanya sebagai simbol sahaja tanpa berfungsi seperti yang diharapkan kerana mungkin pegawai-pegawai di peringkat negeri dan daerah itu hanya diambil berdasarkan inklinasi politiknya dan bukan berdasarkan kepada kemampuan dan kelayakan khusus untuk menampung inspirasi dan strategi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Keadaan serupa ini harus disemak semula supaya tidak membazir wang rakyat. Kalaulah KEMAS Sarawak terlalu berorientasikan parti politik yang tertentu lebih baik KEMAS itu harus di "kemas" dan gulung tikar supaya tidak sakit mata memandang dan supaya tidak berat beban yang akan terus dipikul oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita rakyat bumiputera memang sentiasa mengalu-alukan niat suci dan murni Kerajaan di dalam membela nasib rakyat miskin di luar bandar. Justru itu

dapatlah kegiatan industri kampung dan Karyaneka ini menampung para belia dan beliawanis daripada menganggur dan berhijrah ke bandar. Masalah penghijrahan kaum belia ke bandar telah banyak mendatangkan mudarat kepada masyarakat akibat dari belum kesediaan mereka menghadapi cabaran yang begitu sengit bila mana bersemuka dengan iklim metropolitan dan arus kebudayaan yang datang akan menjadi sebahagian hidup belia yang mengejar kemewahan dan tamadun hidup ala-barat itu. Kehadiran kegiatan ekonomi di bandar kecil juga mendatangkan pertumbuhan kepada bandar itu sendiri supaya dapat terus membangun untuk menjanjikan kesejahteraan yang mungkin setara dengan kota. Ini juga mengurangkan ketandusan tenaga muda dalam mencapai apa juga kegiatan ekonomi di peringkat kampung dan desa. Maka sudah tentu keseimbangan penduduk remaja dan tua menjadi simbol keharmonian sesebuah masyarakat itu. Dengan kata lain, kekesanan hidup di desa tidak akan ketara dan sudah tentu menghasilkan masyarakat desa yang progresif dan makmur. Bagi mencapai matlamat itu, saya memohon kepada Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar supaya menubuhkan sebuah pusat Kementerian seumpama itu di daerah Julau untuk menampung keperluan rakyat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan koperasi memanglah salah satu jentera yang penting dalam usaha mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi golongan rakyat yang berpendapatan rendah selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru. Dalam kita menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan koperasi, kita harus berwaspada takut kalau-kalau disalahgunakan koperasi itu oleh koperat yang tidak bertanggungjawab maka sudah tentu

akan merugikan dan melemahkan daya ekonomi para ahli yang terdiri dari masyarakat miskin. Ini telah ternyata baru-baru ini dengan penutupan beberapa buah koperasi terutama di Semenanjung ini di mana penyelewengan telah berlaku berleluasa tanpa disedari oleh Jabatan Koperasi itu di peringkat awal lagi. Kalaulah ia di bendung di peringkat awal, sudah tentu mereka tidak begitu jauh dan keadaan menakutkan para ahli yang sedia ada dan para pelabur baru. Kejadian serupa ini boleh menjejaskan kewibawaan koperasi itu sendiri dan rakyat akan menaruh syak wasangka ke atas prestasi koperasi di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut angka pada tahun 1984, Sarawak mempunyai jumlah koperasi yang agak besar juga iaitu 2,395 buah. Dengan jumlah ini, saya percaya sudah tentu menggambarkan pertumbuhan yang agak sihat dan pasti telah memberi khidmat yang sememangnya dijangka menjangkau matlamat awalnya. Sungguhpun demikian, pergerakan koperasi di tempat kami khususnya belum lagi menyeluruh terutama di kawasan pedalaman. Dengan yang demikian, saya memohon supaya Kementerian memberi publisiti dan menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras dan Nasihat di peringkat daerah terutama di daerah pedalaman Sarawak supaya konsep berkoperasi dapat dipelajari oleh masyarakat bumiputera dengan lebih mendalam dan berkesan. Sekalipun belum ada koperasi di Sarawak didapati menyeleweng dewasa ini, Kerajaan harus sentiasa mengikuti dan menyelenggarakan koperasi yang telah sedia ada itu supaya dapat mengelak dari penyalahgunaan kuasa di kalangan ahli koperat.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan media massa di negara kita ini sudah sememangnya begitu maju selaras dengan kehendak rakyat. Penggunaan

alat teknologi moden dalam sektor ini meluas hingga membolehkan kita berlegar setanding dengan negara-negara yang telah lama maju di bidang ini. Pengaruh pembangunan media massa ini telah banyak mempengaruhi iklim dan budaya sesuatu masyarakat di mana kedua-dua aspek baik dan buruknya juga akan dirasa oleh semua yang diliputi oleh kaedah pembangunan ini. Dalam konteks ini, radio dan televisyenlah yang banyak sekali memainkan peranan sebagai daya perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat di samping memberi wajah yang bercorak hiburan untuk mengisi naluri masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Bagi kami di Sarawak, televisyen adalah satu-satunya sumber mendapat nasihat, maklumat dan hiburan. Oleh yang demikian, saya cadangkan supaya rencana-rencana yang sofistikated dan tidak begitu relevant kepada keadaan hidup harian patut dikurangkan dan digantikan dengan cerita-cerita dokumentasi yang dihasilkan oleh masyarakat Malaysia yang terdiri dari berbilang kaum itu. Dengan adanya keperluan ini, sudah tentu akan memberi peluang kepada cerdik pandai dan pengusaha filem kita menerokai bidang yang lebih mencabar selain dari hanya membuat filem cerita rekaan dan terpaksa menerokai alam yang lebih mencabar dan kalau perlu kaedah saintifik. Selain dari itu, ingin saya membuat saranan supaya rancangan televisyen harus bercorak multi-Malaysia, dengan izin.

Kami di Sarawak tidak ubah macam tinggal di negeri asing atau dengan ertikata lain macam masih di bawah naungan Kerajaan Kolonial lagi. Sebagai anak bumi Kenyalang, memang sudah tentu terkilan, kerana bilangan masyarakat Dayak lebih kurang sama besarnya dengan masyarakat India di Malaysia ini. Oleh yang demikian, kenapalah kami serupa dianaktirikan dalam

pembahagian masa di televisyen. Malah kalau diteliti dengan betul, hanya satu peratus atau kurang masyarakat kami di Sarawak yang memahami bahasa Tamil. Mengapa tidak masyarakat di Semenanjung dibawa belajar bahasa Iban, Bidayo dan Orang Ulu. Kalaulah begini keadaannya, ada baiknya diwujudkan semula Rangkaian Ketiga bagi Sabah dan Sarawak atau terus disamaratakan semua rangkaian di seluruh negara supaya konsep dan inspirasi integrasi nasional itu benar-benar memberi erti. Kefahaman rakyat di Semenanjung sungguh cetek sehingga pernah saya ditanya oleh seorang teksi driver di Kuala Lumpur ini bagaimana keadaan di Sarawak, sudah tentu lebih senang hidup mereka daripada kami di Malaysia. Dari gambaran yang semudah ini menunjukkan si driver ini masih jahil dengan konsep negara Persekutuan Malaysia. Beliau menganggap bahawa Sarawak itu lain negeri dan Malaysia dimaksudnya hanya Semenanjung sahaja. Begitu juga kaedahnya bagi kami di Sarawak. Kita hanya disogok dengan cerita dari Semenanjung terlebih lagi dari kaca televisyen. Kalau tidak silap saya, memang ada rancangan berasingan khas untuk Sabah dan Sarawak umpamanya, Newsthru, Rampai Kenyalang. Rancangan dokumentari ini secara menyeluruh khas untuk kedua-dua wilayah secara berasingan dengan Rancangan Peristiwa yang menggambarkan kaedah di Semenanjung sahaja pada tiap-tiap hari.

Jadi, dari rancangan serupa ini, sudah tentu menggambarkan pengasingan di antara ketiga-tiga wilayah yang boleh mengelirukan rakyat yang tidak pernah melawat dan pengetahuan tentang Malaysia. Sarawak dan Sabah tidak banyak dipaparkan di dalam televisyen maka sudah tentu sememangnya rakyat di Semenanjung Malaysia memikirkan kami alien bagi mereka.

Saya cadangkan di sini setiap rancangan yang berupa informatif itu harus diintegrasikan supaya tidak ketara pengasingan wilayah. Dan begitu juga penglibatan para artis kita tidak hanya pada malam minggu hanya menonton penyanyi orang Malaya sahaja. Ini ertilah kampung di Sarawak. Saya cadangkan pihak RTM harus sekali-sekala menonton televisyen RI iaitu Republic Indonesia, dengan izin, bagaimana mereka memaparkan ciri-ciri sesuatu kaum itu sebagai selingan yang mana dapat meliputi setiap masyarakat yang terdapat di pulau-pulau dan rantau Indonesia. Dengan yang demikian, sudah tentu setiap masyarakat itu tidak berasa asing dan tersisih di antara satu dengan yang lain. Kita juga memohon agar pada Hari Gawai Dayak harus diadakan siaran khas seperti juga pada hari perayaan masyarakat lain di Malaysia. Saya rasa usaha ini dapat kita laksanakan menerusi stesyen Wilayah kita di Kuching supaya RTM Sarawak yang mempunyai bangunan mahal, kakitangan ramai dapat berfungsi dengan lebih aktif dan produktif.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru memanglah satu dasar yang patut sama-sama disokong dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat di Malaysia. Segala apa juga inspirasi yang terkandung di dalamnya harus sama-sama kita terima secara bertolak ansur dan rasional, bertolak dari kesedaran itu, maka tidak suatu masyarakat harus dipertikaikan apakah D.E.B itu harus dilanjutkan tempohnya sehingga selepas tahun 1990.

Saya mengucapkan syabas kepada UMNO kerana berani dan tegas dalam membela dan memperjuangkan nasib bumiputera dan kepentingan rakyat Malaysia keseluruhannya. Begitu juga sikap MIC yang bertolak-ansur menyokong D.E.B dilanjutkan harus diberi pujian kerana mereka

memahami kepincangan masyarakat bumiputera sealiran dengan sejarah negara. Bagi kami di Sarawak sentiasa mengharap, berusaha dan menyokong ke arah matlamat murni D.E.B itu. Kita berharap bilamana tempoh D.E.B dilanjutkan janganlah ianya hanya menjadi satu polisi tanpa diimplimentasi seperti citarasa yang terkandung di dalamnya.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru adalah satu dasar sakti bagi masyarakat bumiputera, kalau ianya dihayati mengikut citarasa yang tersirat di dalam inspirasi untuk meninggikan taraf hidup rakyat, membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Dalam pembentangan Belanjawan bagi tahun 1987 yang baru sahaja dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 24-10-1986, jelas menunjukkan kesediaan Kerajaan untuk mencari jalan ke arah kesejahteraan masyarakat yang masih miskin di luar bandar. Bagi rakyat luar bandar di Sarawak memang mengalu-alukan serta menyokong Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa bertimbang rasa dalam membela kebajikan rakyat terutama rakyat miskin di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada kali ini rakyat di luar bandar merasa sudah tiba masanya perhatian khusus diberi kepada mereka memandangkan telah sekian lama negara mencapai kemerdekaan, namun keadaan dan taraf hidup rakyat masih jauh lagi ketinggalan kalau dibandingkan dengan masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Dengan erti kata yang lain, bukan hanya menyediakan kemudahan infrastruktur sahaja yang harus dititikberatkan, tetapi menambahkan lagi kegiatan ekonomi harus juga mendapat perhatian khusus bagi mendapat imbang ekonomi yang akan menjamin kehidupan harian mereka. Justeru itu saya cadangkan kepada Kerajaan supaya

membangunkan pusat pertumbuhan bandar pinggir di kawasan pendalaman luar bandar, terutama di kawasan saya di Julau. Pekan Julau sebagai pusat pentadbiran daerah Julau sudah sememangnya membangun pada awal-awal rancangan pembangunan Malaysia lagi, tetapi lantaran lambat dari segi pertumbuhan penduduk, maka tergendatlah segala kegiatan ekonomi yang boleh menyokong pembangunan fizikal pekan kecil Julau ini.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima ini dan dalam peruntukan Belanjawan 1987 yang sama-sama kita hadapi, saya percaya Kerajaan Barisan Nasional akan melaksanakan Skim Penempatan Semula atau Projek Pembangunan Kampung dan Luar Bandar.

Tuan Yang di-Pertua, konsep hala cara baru ini yang melibatkan penyusunan sosio-ekonomi kampung ini memang sesuai, terutama bagi kawasan perkampungan rumah panjang Iban di daerah pendalaman Sarawak. Dalam konsep ini ianya menekankan kepada kemajuan pertanian dengan mengadakan cara pengurusan perladangan bagi kebun, bendang dan ladang secara sistematik. Dari pertumbuhan asas ekonomi utama ini sudah tentu akan mewujudkan pertumbuhan industri kampung dan perusahaan kecil bagi menampung kegiatan sosio ekonomi dan menyusun pertumbuhan pembangunan pusat bandar kecil di kawasan luar bandar.

Masyarakat Dayak, khususnya kaum Iban di Sarawak penduduknya tinggal jauh di pendalaman dan tinggal dalam kumpulan yang kecil-kecil dan yang mana menyukarkan proses penyampaian bantuan dan pembangunan kepada mereka, maka dengan adanya strategi berkelompok dan penyusunan semula kampung atau rumah-rumah panjang secara teratur, sudah tentu dapat mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baru. Dengan itu

barulah hasrat Kerajaan hendak membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat akan terkabul. Untuk mencapai hasrat itu saya memohon Kepada Kerajaan supaya projek serupa ini harus dipanjangkan secara menyeluruh di kawasan luar bandar Sarawak, terutama kawasan masyarakat Dayak yang masih jauh ketinggalan dari arus pembangunan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan pertanian dan tanah tidak dapat dipisahkan dari masyarakat luar bandar terlebih lagi masyarakat Dayak di Sarawak. Bagi masyarakat Dayak, pertanian dan tanah adalah sumber hidup mereka, maju-mundurnya sesebuah keluarga itu banyak sangat bergantung kepada pertanian dan tanah. Pendek kata, tanpa pertanian dan tanah, maka sukarlah kehidupan sesebuah keluarga itu dan harus menghadapi kelaparan. Dalam strategi utama Kerajaan bagi mengurangkan kemiskinan di luar bandar ialah dengan meningkatkan daya pengeluaran di sektor pertanian dan membuka rancangan-rancangan tanah baru.

Diharapkan dengan peruntukan sebanyak \$1,623 juta iaitu kita-kira 24% daripada jumlah Belanjawan Pembangunan bagi tahun 1987 dapat disalurkan kepada kawasan luar bandar Sarawak.

Saya memohon kepada Kerajaan Pusat supaya pada kali ini pembangunan serupa ini benar-benar mendatangkan manfaat kepada rakyat dan jangan dieksploitasikan oleh sentimen politik seperti apa yang terjadi kepada rancangan tanah negeri Sarawak iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak yang menempuhi kegagalan dan merugikan banyak wang rakyat. Kementerian yang berkenaan harus berhati-hati dan meneliti kesesuaian rancangan itu kepada kehendak tempatan dan begitu

juga kepada pemilihan jenis tanaman. Pemilihan peneroka juga harus dibuat dengan lebih adil dan penuh keyakinan supaya rancangan serupa ini tidak kecuadang sebelum dapat memenuhi tujuan asalnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunungi dan bermegah hati di atas perhatian dan pandangan daripada ucapan-ucapan yang telah dilafazkan oleh kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kapit dan dari Seratok dalam soal membasmi kemiskinan di kalangan rakyat luar bandar terlebih lagi masyarakat Dayak di negeri Sarawak. Soal kita memperjuangkan kemiskinan di kalangan masyarakat luar bandar memang telah lama kita dan rakan-rakan lain dari Sarawak sarankan pada beberapa kali musim Parlimen yang telah lalu, namun segala laungan kami itu hanya sedikit sahaja mendapat perhatian dan tindakan dari Kerajaan Pusat. Oleh yang demikian, pada penggal ini sekali lagi kita harus sama-sama berusaha berganding bahu memohon kepada Kerajaan Pusat supaya dapat membendung kemiskinan di luar bandar Sarawak dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, setelah kita sama-sama hayati dan teliti Belanjawan bagi tahun 1987 kita dapati pengagihannya adalah wajar sekalipun mendatangkan sedikit bebanan kepada pihak kakitangan awam dan seterusnya saya bersetuju di atas beberapa perkara yang bersangkutan paut ke arah meningkatkan produktiviti negara.

Saya mohon menyokong Belanjawan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi tahun 1987.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandaran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu.

4.43 ptg.

Tuan Zubir bin Embong (Kuala Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, ketika Jepun menyerang Singapura dalam tahun 1942 tentera-tentera British yang mempertahankan pulau tersebut telah pun memasang meriam-meriam besar di landasan dan lain-lain kelengkapan perang ke arah laut. Kesangsian yang dibuat oleh tentera British adalah tentera Jepun akan menyerang dari arah laut. Singapura pada waktu itu adalah seperti sebuah kubu yang kukuh dan sukar ditembusi. Akibat salah anggap ini tentera British telah mengalami kekalahan di tangan tentera Jepun kerana tentera Jepun telah menyerang dari arah darat. Walaupun persiapan yang besar dengan senjata yang sofistikated sebenarnya tidak mendatangkan apa-apa faedah kerana salahnya sangsi yang dibuat oleh tentera British. Kalau fakta sejarah ini diambil sebagai teladan ianya boleh dianggap sebagai satu perbandingan dengan strategi pembangunan negara kita.

Kesilapan di dalam membentuk strategi pembangunan negara akan mengakibatkan kelemahan daya tahanan dan akhirnya keruntuhan peradaban yang kita bina selama ini. Matlamat pembangunan negara kalau dilihat daripada apa yang sedang dilakukan sekarang ialah untuk mencapai integrasi nasional, produktiviti dan juga kemajuan industri agar negara di masa yang akan datang dapat menjadi sebuah negara yang dapat berdiri di atas kaki sendiri. Dalam usaha-usaha menuju matlamat-matlamat tersebut banyak masalah-masalah sosio budaya yang timbul hasil daripada pelaksanaan program-program pembangunan negara. Masalah-masalah tersebut seperti rasuah, penyalahgunaan kuasa, dadah, gaya hidup dan tingkah laku yang mementingkan keseronokan dan kemewahan, tindakan manipulasi

pasaran saham secara tidak berperikemanusiaan, aliran kebudayaan kota yang bersifat permissive, dengan izin, dan juga konflik nilai yang berlaku dalam masyarakat. Timbulnya gejala-gejala ini bukan sahaja bertentangan dengan cara hidup Islam tetapi juga dengan prinsip-prinsip utama dalam Rukunegara iaitu Kepercayaan kepada Tuhan dan Kesopanan dan Kesusilaan. Rukunegara tidak akan berfungsi sekiranya satu strategi yang menyeluruh untuk memperkuat nilai-nilai moral dan kerohanian dalam negara kita tidak dilaksanakan.

Rancangan pembangunan negara semuanya menekankan peri mustahaknya industrialisasi ditingkatkan untuk mengatasi masalah kemiskinan dan pembangunan ekonomi antara kaum yang tidak seimbang. Dasar Ekonomi Baru bertujuan untuk menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan. Dalam dasar ini secara khusus melibatkan antara lain proses industrialisasi masyarakat Melayu, urbanisasi, penguasaan sains dan teknologi yang lebih meluas dan penglibatan yang lebih banyak pengusaha-pengusaha Melayu dalam bidang perdagangan, perniagaan dan perusahaan. Masalah-masalah inflasi, kesesakan kota, ketidak sama rataan pendapatan, pengangguran, pembaziran sumber alam dan tenaga, pencemaran alam sekitar semakin gawat dan meruncing. Pada waktu yang sama berlaku juga keruntuhan moral, kemerosotan disiplin para pelajar di sekolah. Gejala-gejala yang seperti ini adalah merupakan satu gejala yang menandakan bibit-bibit penyakit manusia yang diistilahkan oleh para sarjana Barat sebagai, dengan izin, "culture loss". Ianya berpunca dari kepincangan moral dan rohani manusia. Gaya hidup permissive yang berlaku dinisbahkan peringkat daripada generasi di kota adalah berorientasikan kepada budaya

hiburan, budaya lepas bebas dan keseronokan nafsu syawat, ruparupanya tidak dapat dibendung oleh negara yang berdasarkan kepada prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dan Kesopanan dan Kesusilaan. Budaya dadah (drug culture) yang kian merebak di kalangan belia dan beliawanis di samping kemerosotan disiplin sekolah nampaknya akan mewarnai masa depan negara.

Kelonggaran nilai-nilai akhlak dalam masyarakat turut ditampung oleh bahan-bahan lucah dalam pasaran sastra murah, pasaran keset-keset, program-program TV yang bertentangan dengan prinsip Kepercayaan kepada Tuhan dan Kesopanan dan Kesusilaan. Filem-filem yang membangkitkan nafsu berahi, pementasan-pementasan oleh artis-artis, konsert rock yang melampaui batas kesopanan tradisional Islam, Melayu, India dan juga Cina. Golongan Melayu daripada kalangan kelas menengah baru yang lahir telah mencerminkan kemerosotan nilai moral mereka dengan mempertontonkan barang-barang mewah sebagai tanda kejayaan meningkatnya status sosial mereka. Melihat kepada gejala-gejala sosial budaya negatif dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang pesat ini tidak hairanlah kalau Dr Johannes Buller, seorang sosologis Amerika mengatakan, saya petik dalam bahasa asalnya:

"An essentially externally induced development process has, in fact, entailed far-reaching consequences in the developing countries, consequences which have, in turn, not uncommonly resulted in a derecognition process besides which the traditional system of values and the attitudes, behavioural patterns and social structure incorporated therein. In some cases the changes induced even affect the destructions of traditional values."

Oleh kerana model pembangunan socio ekonomi negara kita pada dasarnya berteraskan model leberal kapitalis maka adalah bermanfaat kiranya dapat kita mengambil beberapa pengajaran dalam aspek sosial budaya yang negatif wujud dalam persekitaran budaya induk di Barat. Dengan cara itu dapatlah negara kita menghindarkan diri dari dilanda oleh arus keruntuhan akhlak.

Beberapa ciri penyakit sosial budaya itu sudah tidak asing lagi kepada kita seperti budaya disko, perjudian di Kasino, eksploitasi wajah dan badan wanita untuk tujuan dagangan antarabangsa, pementasan tarian dan nyanyian, pengaruh materialisme meluru di kalangan segolongan masyarakat kita. Kita sebagai pemimpin-pemimpin dan orang-orang yang berkuasa dalam negara kalau tidak berwaspada terhadap gejala-gejala yang bertentangan dengan kepercayaan kepada Tuhan, kesopanan dan kesusilaan, tidak mustahillah ianya akan menjadi suatu kebudayaan kotor yang berkekalan di Malaysia.

Mengikut Daniel Bell perubahan budaya masyarakat akibat dari proses industrialisasi yang pesat ialah menimbulkan kekacauan nilai tentang tingkah laku yang sesuai, dalam bahasa Inggerisnya, appropriate modes of behaviour, dengan izin. Dalam keadaan yang sedemikian seorang yang ingin mendapat cepat mencapai statusnya yang lebih tinggi dalam masyarakat merasakan panduan yang lebih baik untuk tujuan itu ialah filem, TV dan iklan. Pengaruh iklan dalam merubah gaya hidup golongan menengah dan kaum belia ke arah pola kehidupan berseronok adalah amat besar sekali. Dalam konteks negara kita banyak yang diiklankan untuk memancing para pengguna boleh mendorong ke arah gaya hidup yang bertentangan dengan kepercayaan kepada Tuhan, kesopanan dan kesusilaan.

Satu kesan daripada Dasar Ekonomi Baru ialah bertambahnya golongan anggota baru dalam kelas menengah Melayu dan bukan Melayu yang sedang membesar. Semakin ramailah golongan yang mempunyai pendapatan lebih daripada apa yang diperlukan untuk menampung keperluan-keperluan asas. Perkara-perkara yang diinginkan, desire or wants, menerusi manipulasi iklan dirasakan sebagai satu keperluan.

Pola penggunaan seperti ini merenggangkan lagi jurang pemisah antara golongan yang berada dengan yang tidak berada. Oleh itu lahirlah satu bentuk ketidakadilan sosial, inilah sebahagian daripada keganjilan pertumbuhan ekonomi di mana kemiskinan timbul bersama dengannya. Satu lagi gejala sosial yang bahaya ialah wujudnya usaha-usaha tertentu untuk menghancurkan keutuhan sistem keluarga sebagai satu institusi sosial yang terpenting dalam pembentukan masyarakat yang bersopan dan bersusila. Sebagai definisi mengenai keluarga diberikan, ianya diutarakan di kalangan cerdik pandai sebagai satu alternatif kepada definisi yang telah diutarakan oleh agama dan tradisi mengenai keluarga.

Sebagai contoh, Betty Frydent seorang tokoh Women Liberation, dengan izin, menyatakan definisi keluarga seperti berikut: "Family is people who are living together with deep commitment and mutual need and share it". Definisi yang seperti ini melibatkan bahawa perhubungan manusia di antara lelaki dan perempuan di luar nikah dianggap sebagai sah. Cara hidup yang seperti ini sudah mula ditiru oleh sebahagian daripada masyarakat kita dan juga masyarakat pelajar di luar negeri.

Perkembangan yang seperti ini amat membimbangkan. Golongan-golongan seperti ini adalah merupakan golongan yang turut sama bertanggungjawab

untuk mewarnai gaya hidup liberal dan permissive, dengan izin, di kalangan masyarakat menengah di Malaysia. Gejala kemerosotan akhlak akibat daripada perkembangan budaya liberal kapitalis dan lagi permissive yang sedang mempengaruhi belia kita ialah muzik pop. Muzik adalah satu media yang sangat berpengaruh kerana ianya boleh membangkitkan emosi manusia. Ia juga turut membentuk sikap dan nilai pendengar-pendengar yang belum dewasa.

Lagu-lagu pop yang datang dari barat ternyata mengandungi senikata yang erotic. Ia juga mengarah kepada kebebasan seks, perhubungan manusia yang berdasarkan kepada nafsu berahi. Antara senikata-senikata seperti, "Turn off the lights, let's take shower together, hot stuff, I want you tonight, I can't stand it no more, "semuanya ini ialah merupakan provocative dan suggestive, dengan izin. Budaya yang tumbuh dari sistem liberal kapitalis, menurut Daniel Bell juga menghendaki apa yang dikatakan pengalaman seni dan budaya manusia yang dilepaskan dari nilai-nilai agama dan pengalaman sendiri. Dengan menggunakan level kreativiti, seni sastera dan teater yang terbit dari budaya kota boleh melakukan eksperimentasi-eksperimentasi yang bercanggah dengan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan tradisional.

Gejala-gejala kemerosotan akhlak yang lain seperti penyalahgunaan dadah dan amalan minuman keras kini menjadi penyakit yang gawat di Malaysia. Masalah dadah yang dianggap sebagai musuh nombor satu telah banyak diperkatakan oleh pemimpin-pemimpin negara tetapi amalan meminum minuman keras jarang sekali dianggap sebagai musuh negara.

Dalam laporan akhbar **New Sunday Times** yang berjudul "Are We Boozing Too Much?", dengan izin, oleh Halimah Bamadhaj memberitahu

bahawa kadar penggunaan minuman keras di Malaysia meningkat dengan pesat. Beliau juga memberitahu; saya petik dalam bahasa asalnya, dengan izin, "With increased consumption at home and in the parks a social ethos that protect or support drinking and complacency about its effects, it is only a matter of time before Malaysia will have alcoholism as number three killer after cancer and heart disease."

Dalam bidang ekonomi perbuatan-perbuatan anti kesopanan, kesusilaan seperti menyorok barang-barang keperluan asasi, sengaja menaikkan barang-barang atas alasan-alasan yang tidak munasabah, eksploitasi yang kejam dalam soal perumahan, menurunkan mutu barangan dan perkhidmatan yang disengajakan, persaingan yang tidak adil di antara kaum pemodal dengan pengusaha-pengusaha kecil, rasuah dan sabotaj.

Hal-hal ini akan lebih jelas dan nyata apabila saat ekonomi dunia menjadi lebih buruk. Sebagai kesimpulan daripada tinjauan yang saya perkatakan itu, munculnya gejala-gejala negatif disebabkan oleh kelemahan dalam model pembangunan negara yang berteraskan kepada pertumbuhan ekonomi, aspek kerohanian dan agama dilihat sebagai aspek yang wujud secara berasingan daripada kegiatan ekonomi, politik, sosial dan budaya.

Pemisahan ini mungkin tidak ketara apabila adanya pernyataan rasmi seperti pembangunan kebendaan mestilah diseimbangkan dengan pembangunan rohani. Dalam kenyataan dan pelaksanaan perseimbangan yang disebutkan itu dalam banyak hal lebih merupakan kewujudan aktiviti-aktiviti atau institusi keagamaan, di samping aktiviti-aktiviti atau institusi-institusi perekonomian, politik, sosial dan budaya.

Akibatnya sebahagian besar daripada nilai-nilai dan norma-norma agama tidak menjadi dasar yang memimpin tingkah laku kegiatan institusi tadi. Masing-masing bidang kehidupan dipercayai mempunyai kaedah-kaedah pembangunannya yang tersendiri yang tidak semestinya selaras dengan tuntutan moral.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Sedikit sahaja. Apa yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah berbilang jenis termasuk misal kata apa yang dikatakan di dalam bahasa Inggerisnya, turn off the lights and so on. Jadi, penjelasan yang dikehendaki ialah adakah ini pengetahuan yang ada pada Yang Berhormat mengenai ini, menerusi bacaan buku-buku sahajakah ataupun through experience, dengan izin (*Ketawa*).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payah menjawab, kalau tidak hendak.

Tuan Zubir bin Embong: Apa dia?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kalau Yang Berhormat tidak hendak menjawab, tidak payah.

Tuan Zubir bin Embong: Ya, tidak payah menjawablah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Self incriminating.

Tuan Zubir bin Embong: Masing-masing bidang kehidupan dipercayai mempunyai kaedah-kaedah pembangunan yang tersendiri yang tidak semestinya selaras dengan tuntutan moral atau agama mengenai bidang tersebut. Ruang liku agama

pula dirasakan sebagai terhad kepada upacara-upacara peribadatan yang khusus dan kehidupan kerohanian seseorang. Dalam pola pembangunan yang berlaku sekarang manusia ekonomi atau manusia politik, manusia seni atau manusia undang-undang, manusia birokrasi atau manusia perniagaan membangunkan keahlian dan peranan masing-masing dengan ilmu dan pengalaman yang diasingkan daripada tuntutan agama dan moral, oleh kerana nilai moral kerohanian dan agama menjadi nilai pinggir sementara nilai-nilai ekonomi bebas, budaya liberal dan politik pragmatisme menjadi nilai-nilai yang diutamakan dalam kenyataan. Maka manusia agama atau manusia moral atau manusia kerohanian dengan sendirinya tidak mendapat perhatian atau dan penilaian. Dengan demikian nilai kerohanian, tuntutan agama, tingkah laku moral yang berpadukan kepada tuntutan-tuntutan agama, tidak mendapat penghargaan yang utama dan sebenar dalam dunia perniagaan, dunia politik, dunia seni, dunia pendidikan, dunia perfileman, dunia pergaulan muda/mudi, dunia komunikasi, dunia hiburan dan juga dunia birokrasi.

Penghargaan dan objektif utama dan sebenar kepada nilai-nilai moral dan agama akan menjadi satu tekanan yang benar-benar dirasakan apabila sebarang kecenderungan untuk bertindak di luar had-had yang dibenarkan oleh agama tidak mendapat kesempatan untuk berkembang. Pada waktu itu barulah kita akan memperolehi masyarakat yang dijiwai oleh prinsip kepercayaan kepada Tuhan, kesopanan dan kesusilaan.

Untuk memperolehi masyarakat yang seperti itu Islam sebagai suatu agama wahyu mampu memberikan suatu pendekatan yang unik dalam pembangunan masyarakat iaitu pembangunan manusia dan

masyarakat secara bersepadu. Kesepaduan yang dimaksudkan di sini ialah penerapan dan pelaksanaan tuntutan Allah dalam pembangunan ekonomi, politik, sosial dan budaya di peringkat individu mahupun juga di peringkat kolektif. Dengan demikian nilai agama dan moral mendapat tempat yang sewajarnya dalam pembentukan dunia perniagaan dan perusahaan. Dunia perindustrian dan perdagangan, dunia politik, dunia birokrasi dan pentadbiran, dunia pendidikan, dunia seni, dunia hiburan, dunia remaja dan belia serta dunia komunikasi massa.

Pembentukan peribadi manusia tidak lagi diperkotakkan tetapi disatukan. Kegiatan manusia di dunia hendaklah dianggap sebagai suatu manifestasi pengabdian kepada Allah dan segala ajarannya. Iman dan takwa hendaklah menjadi dua dasar pembangunan diri dan masyarakat yang terpenting sehingga ia boleh mencorakkan dan memberi arah kepada perkembangan aspek-aspek fizikal, rasional, astatika, sosial ekonomi dan politik dalam kehidupan yang akan menjadi satu kekuatan dalam diri dan masyarakat yang boleh menghalang kecenderungan anti kesopanan dan kesusilaan yang berlaku dalam sistem sosial liberal kapitalis sekarang.

Sistem pembelajaran negara masih berorientasikan kepada memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang teknologi. Ianya adalah selaras dengan kemajuan yang pesat dalam proses industrialisasi dan matlamat Kerajaan supaya dekad lapan puluhan ini menjadi dekad teknologi yang tinggi. Aspirasi-aspirasi nasional yang lain seperti pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat berbilang kaum juga mestilah dicapai melalui sistem pelajaran kebangsaan. Dengan orientasi yang ada sekarang, nilai kebendaan akan tetap diutamakan dalam realiti proses

pendidikan, walaupun sudah ada nilai-nilai moral dan agama harus dipertinggikan. Saya bimbang kalau-kalau tugas pendidikan sekarang lebih merupakan usaha melahirkan manusia berpangkat dan berkuasa supaya dapat hidup mewah dan berstatus tinggi dalam masyarakat.

Saya akui adalah sukar untuk menyatupadukan pelajaran ikhtisas di pusat-pusat pengajian tinggi dengan nilai-nilai moral, kerohanian dan agama. Walau bagaimanapun, ianya bukanlah perkara yang mustahil untuk dilakukan. Sebagai contoh, matapelajaran ekonomi di pusat pengajian tinggi, tidaklah menjadi kecacatan sekiranya dimasukkan ke dalam kurikulum itu matapelajaran mengenai etika perniagaan dalam ajaran Islam supaya calon-calon pengurus sekurang-kurangnya mengetahui walaupun tidak menghayati batas-batas kesopanan dan kesusilaan dalam urusan perekonomian. Cara itu akan mendedahkan mereka kepada soal-soal tingkah laku pengguna, cara mendapat harta dan penggunaannya, etika penggunaan, motivasi pengeluaran, matlamat pengeluaran, tujuan-tujuan firma, faktor-faktor pengeluaran, struktur pasaran, penglibatan negara dalam pasaran, cara pengagihan pendapatan mengikut pandangan Islam.

Di sini sukalah saya memberi saranan secara umum dalam hasrat untuk mendapatkan masyarakat seperti yang saya katakan tadi. Pertama, tujuan mewujudkan masyarakat bermoral yang mengamalkan ajaran agama, hendaklah diberikan keutamaan dalam sistem pendidikan kerana sistem pendidikan yang ada sekarang lebih mementingkan, dengan izin, paper qualification daripada pendidikan akhlak. Jawatankuasa perlu ditubuh untuk mengkaji kemungkinan disepadukan

matapelajaran sains-teknologi ikhtisas dengan nilai-nilai moral dan agama di peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Universiti-universiti tempatan patut digalakkan merangka satu strategi bersama ke arah penyatupaduan ilmu sains teknologi ikhtisas dengan nilai-nilai moral. Di peringkat sekolah, guru-guru agama dan guru-guru bukan agama, digalakkan mengadakan perbincangan, seminar, bengkel di waktu cuti dengan tujuan saling bantu-membantu dan faham-memahami bidang masing-masing. Tugas dan tanggungjawab dalam memupuk suasana moral dan kesopanan di sekolah hendaklah diletakkan atas bahu semua para guru, bukan sahaja diletakkan di atas bahu guru agama.

Guru-guru hendaklah menunjukkan satu contoh tauladan dan tingkah laku yang tidak bertentangan dengan nilai moral dan ajaran agama di dalam dan di luar sekolah. Sebarang tingkah laku dan kegiatan yang menyalahi tata susila dan kesopanan mengikut mana-mana agama tidak harus dibenarkan di sekolah ataupun di pusat pengajian tinggi. Sukatan pelajaran Islam hendaklah disusun begitu rupa sehingga ianya mencerminkan dan jelas kelihatan kepada murid-murid tentang hubungan yang erat di antara agama dan masalah kehidupan manusia semasa.

Dalam pelajaran sains dan teknologi, pendekatan iaitu sumber-sumber alam, tenaga manusia, modal dan lain-lainnya adalah dimanfaatkan kepada keperluan manusia melalui sains dan teknologi yang mendapat panduan dan bimbingan daripada agama yang benar. Pendidikan moral dan agama hendaklah mendapat perhatian semua Kementerian untuk menjamin wujudnya satu masyarakat yang menghargai dan mengamalkan kepercayaan kepada Tuhan, kesopanan dan kesusilaan.

Konsep-konsep Rukunegara hendaklah diberikan satu huraian yang definitif supaya ianya berkesan di dalam masyarakat. Undang-undang untuk mengawal kemerosotan akhlak, pencabulan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan diperketatkan supaya filem-filem, iklan-iklan, lagu-lagu dan pementasan untuk awam tidak mengandungi unsur-unsur yang bercanggah dengan semangat Rukunegara. Penapisan yang lebih ketat terhadap filem-filem iklan di TV supaya unsur-unsur kebebasan seks, keseronokan nafsu dan keganasan dapat dikurangkan. Langkah-langkah pengurangan dan seterusnya pengharaman kelab-kelab malam, disko, perjudian dan pelacuran patut difikirkan secara serius. Poster-poster yang bertujuan menimbulkan kesedaran dan penghargaan nilai-nilai kesopanan dan kesusilaan tertentu hendaklah diperbanyakkan di bangunan-bangunan dan di tempat-tempat awam.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pembangunan yang bersepadu sedemikianlah dan perimbangan di antara spiritual dan material dalam pembangunan masyarakat kita, pembangunan negara dapat berjalan memenuhi matlamat sebenar iaitu mengangkat darjah manusia ke satu taraf yang telah diberikan oleh Allah Taala sebagaimana yang disebut dalam Al-Quran dan saya petik dalam bahasa asalnya.

Terjemahannya: Ingatlah ketika Tuhan kamu berkata kepada para malaikat: Sesungguhnya Aku ingin mendatangkan ke atas muka bumi Khalifah atau wakil. Maka berkatalah para malaikat: apakah Kamu akan mendatangkan di atas muka bumi manusia yang akan mendatangkan huru hara dan kemusnahan dan juga akan menumpahkan darah, sedangkan kami ini kumpulan malaikat yang sentiasa bertasbih kepada kamu dan memuji-Mu serta menyucikan diri-Mu?

Maka berkatalah Allah Taala: Sesungguhnya Aku mengetahui, sedangkan kamu tidak mengetahui.

Tuan Yang di-Pertua, dengan masyarakat yang sedemikian sahalalah yang bermatlamatkan kepada perimbangan di antara spiritual dan material kita akan dapat melahirkan satu pembangunan negara yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara itu, saya mohon menyokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Krai.

5.08 ptg.

Tuan Mohamed bin Isan (Kuala Krai): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih ke atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bercakap dalam membahaskan Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan iaitu Anggaran Belanjawan 1987.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peluang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Anggaran Belanjawan tahun 1987 ini, saya anggap adalah sebagai satu belanjawan yang sesuai dan satu belanjawan yang menurut hemat saya, anggaran yang berpatutan dengan keadaan kemelesetan ekonomi yang berlaku pada masa ini.

Saya turut sama menyokong pembentangan Belanjawan ini sebagaimana juga rakan-rakan saya yang telah berucap di dalam Dewan yang mulia ini yang telah memberi sokongan sedikit-sebanyak tentang belanjawan ini dan saya dapati memang telah sesuai benar dengan kedudukan kewangan negara yang begitu meruncing dengan tekanan

ekonomi dunia di negara kita hari ini, walaupun dengan kekurangan hampir 12% dari anggaran tahun 1986, akan memberikan peluang yang begitu diambil kesempatan oleh pihak-pihak Pembangkang dengan bermacam-macam tuduhan kepada pihak Kerajaan yang mengatakan bahawasanya negara ini akan menghadapi satu keadaan kucar-kacir dan memberi gambaran yang salah kepada rakyat dan menuduh Kerajaan dengan perkara-perkara yang bukan-bukan yang tidak patut diucapkan sebagai ahli Dewan yang mulia ini.

Parti Pembangkang dalam Dewan ini kata wakil-wakil rakyat Barisan Nasional khasnya dari UMNO berjanji dengan rakyat membuat sesuatu untuk rakyat semata-mata bagi memancing undi di dalam pilihanraya. Tetapi katanya, hari ini Kerajaan ataupun parti-parti komponen Barisan Nasional khususnya UMNO tidak membuat apa-apa dan tidak mengotakan apa yang dikata.

Tuan Yang di-Pertua, inilah kerja Pembangkang, kerana apabila mereka bangun sahaja di dalam Dewan ini tiada lain yang diucap, krisis demi krisis, krisis ekonomi, BMF dan lain-lain lagi. Itulah ucapan yang dilahirkan di dalam Dewan, sedangkan Kerajaan berkali-kali menjelaskan kepada Dewan dan rakyat bahawasanya setiap rakyat termasuk Pembangkang terpaksa menerima dan mengorbankan sama keadaan ekonomi yang meruncing pada hari ini. Pembangkang tuduh Kerajaan susup atau sembunyikan masalah ekonomi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini tidak timbul kerana Kerajaan telah pun menjelaskan dengan sejelas-jelasnya melalui Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam Dewan ini, tetapi sengaja pihak Pembangkang tidak faham dan tidak

mahu ambil faham. Segala tindakan telah pun diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kemelesetan ekonomi, kalau saya kata tuli, marah pula.

Tuan Yang di-Pertua, wakil PAS yang ada dalam Dewan ini 1/177 dalam Dewan ini pun ikut sama tidak faham apa yang diberi tahu, tetapi tidak hairanlah apa kata wakil PAS dalam Dewan ini kerana parti PAS selalu pusing-pusing percakapan mereka. Masa PAS dalam Barisan Nasional dahulu, saya tidak dengar pun ahli-ahli PAS atau pemimpin-pemimpin PAS minta Kerajaan mengharamkan penjualan arak atau judi, bahkan saya anggap PAS sama dapat syer masa itu. Masa PAS memerintah Kelantan selama 18 tahun dan wakil PAS yang ada dalam Dewan ini juga menjadi pemimpin besar PAS Kelantan pada masa itu. Kita dapati jualan arak masih ada dan pajak gadai makin bertambah. Kerajaan PAS Kelantan masa itu masih pungut hasil babi dan anjing.

Tuan Yang di-Pertua, wakil PAS kata rakyat tidak tahu ilmu politik, maka sebab itulah rakyat puji Kerajaan Barisan Nasional, sedangkan nasib rakyat tidak terbela. Saya rasa rakyat Malaysia bukan tidak tahu politik, bahkan lebih bijak dari Yang Berhormat Pengkalan Chepa itu. Sebab itu rakyat pilih UMNO dan Barisan Nasional untuk memerintah Kelantan dan Malaysia. Walaupun PAS membuat bermacam-macam tuduhan kepada UMNO dan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional, fitnah demi fitnah, namun rakyat tolak juga parti PAS. Wakil PAS itu bercakap dalam Dewan ini seolah-olah tiada siapa pun tahu apa yang PAS buat di Kelantan. Wakil PAS bercakap untuk menjadi hero dalam Dewan ini. Saya kasihan, Tuan Yang di-Pertua, seolah-olah saya teringat wakil PAS itu macamlah saya teringat cerita 10 budak hitam, akhirnya tinggal seorang, lalu dia

mati. PAS hendak mati dah. Wakil PAS itu sedarlah dan saya menyeru wakil PAS itu sebaik-baiknya untuk dia ialah masuk ke dalam UMNO. Baru-baru ini krisis lagi di dalam PAS, waktu muktamar PAS di Trengganu, berlaku krisis di dalam kepimpinan PAS dengan bermacam-macam krisis yang sentiasa berlaku berulang-alik di dalam PAS.

Tuan Yang di-Pertua, wakil PAS juga banyak mengecam Tabung Haji, kononnya tidak cekap dan menyusahkan umat Islam. Saya tidak tahu kalau-kalau wakil PAS itu terlibat sama dalam perniagaan manusia, kerana ada pemimpin PAS yang mendapat untung dengan menipu umat Islam, kononnya mereka boleh bawa menunaikan Haji dengan bayaran komisyen kepada mereka.

Kerajaan Barisan Nasional telah membuat peruntukan berhubung dengan serangan Russia di Afghanistan, tetapi kita tidak dengar pun sepatah kutukan daripada pemimpin-pemimpin PAS, tidak memberitahu rakyat jika PAS perintah negara ini, apa dia hendak buat. PAS telah dikutuk oleh Allah s.w.t. kerana itulah PAS tidak dapat kemenangan di dalam pilihanraya baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal Belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya sukalah juga sebagaimana saya kata tadi, saya menyokong Belanjawan ini dengan beberapa sebab yang saya fikirkan menasabah. Saya anggapkan Belanjawan ini adalah Belanjawan rakyat miskin, kerana golongan rakyat miskin tidak terlibat, bahkan mendapat keuntungan seperti jaminan Kerajaan di dalam Belanjawan itu dan memberi perhatian yang lebih kepada segala masalah dan permasalahan rakyat, terutama sekali rakyat di kawasan luar bandar yang mana segala kemudahan

rakyat tidak terjejas. Rakyat golongan mewah, termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat dan Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan disekat sedikit-sebanyak dalam kemudahan yang disediakan yang dirasakan oleh mereka selama ini, tetapi adalah diharapkan Kerajaan akan mengkaji semula apabila keadaan ekonomi pulih terhadap kedudukan pencen kedua, elaun keraian, elaun perjalanan dan lain-lain lagi sebagaimana juga yang dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan waktu pembentangan Belanjawan dan akan mengkaji semula tentang kenaikan gaji dan lain-lain sekiranya keadaan ekonomi pulih.

Begitulah juga, Tuan Yang di-Pertua, langkah Kerajaan untuk mengawal perusahaan awam bukan kewangan, juga memberi satu cara yang boleh mengawal pengaliran wang negara berlebihan dan Kerajaan haruslah meneliti dengan cermat tentang pemberian wang kepada syarikat-syarikat dan badan-badan awam di seluruh negara, dan pembangunan bandar perlulah diberi tanggungjawab utama dan lebih kepada pihak swasta. Dengan itu akan kuranglah saiz sektor awam, kerana wang yang dikeluarkan kepada syarikat dan sektor awam sebanyak \$21,000 juta itu sebagai bentuk ekuiti, bentuk pinjaman dan jaminan atau pinjaman adalah satu peruntukan yang besar, sedangkan badan dan sektor awam itu menjalankan perniagaan kadangkala rugi dan kadangkala untung. Apabila rugi, cara membayar balik kepada Kerajaan amatlah sukar sekali.

Tuan Yang di-Pertua, galakan dan taraf perintis kepada syarikat-syarikat dari 5 tahun kepada 10 tahun sangatlah dialu-alukan, tetapi taraf perintis itu hendaklah diberi kepada semua syarikat yang ingin melabur di negara ini atau pelaburan dari dalam negeri ini sendiri, tidaklah secara terpilih-pilih

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pembinaan rumah kos rendah yang tersebut di dalam Belanjawan itu yang Kerajaan akan membina sebanyak 80,000 unit rumah dalam tempoh 1986-1988 adalah diminta supaya Kerajaan mengambil tindakan tegas dengan memberi peluang yang banyak dan syarat yang longgar kepada pihak swasta agar pembinaan rumah kos rendah ini dipercepatkan. Saya mengesyorkan Kerajaan memberi kemudahan asas kepada jalan dalam kawasan perumahan, bekalan api dan bekalan air dan pihak swasta akan disyaratkan menjual rumah-rumah itu dengan harga yang paling murah sekali. Harga yang mampu dibeli oleh pihak yang berpendapatan rendah dan pihak Kerajaan pula memberi pinjaman kepada pihak swasta atau melalui institusi-institusi kewangan dengan dikenakan kadar faedah 6% sebagaimana pinjaman yang disyorkan kepada kakitangan awam. Ini adalah bertujuan bagi mempercepatkan matlamat dan hasrat Kerajaan di dalam Rancangan Malaysia Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang kedudukan dan nasib Orang-orang Asli di negara kita ini sebagai satu golongan masyarakat yang mundur. Dalam Laporan Belanjawan, satu peruntukan berjumlah \$23,000 juta diuntukkan dan saya menyokong atas peruntukan ini dan dengan itu menunjukkan Kerajaan Barisan Nasional hari ini memberi perhatian berat kepada semua golongan rakyat di negara ini, selain daripada gaji untuk kakitangan Jabatan Orang Asli. Maka corak bantuan dan pertolongan yang berbentuk kebajikan juga perlu diberi perhatian.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, penerapan nilai-nilai Islam dan penerangan lanjut tentang agama Islam perlu didedahkan kepada

masyarakat Asli. Kita bimbang masyarakat kaum Asli ini akan terpengaruh dengan ajaran-ajaran Kristian yang dibawa ke dalam masyarakat mereka, terutama pengaruh ajaran agama Kristian ini dibawa oleh pendatang-pendatang haram yang berada di negara kita pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pembangunan industri pertanian, saya suka menyatakan sebagai sebuah negara pertanian, maka haruslah kita menggalakkan petani kita dengan apa cara pun agar mereka berusaha ke arah pelbagaikan hasil pertanian yang boleh dijalankan secara besar-besaran atau kecil-kecilan seperti menternak udang harimau, belut, ikan keli atau menanam tanaman-tanaman kontan dan lain-lain mengikut keadaan kerana keadaan tempat dan iklim tempatan di negara kita. Di samping itu, apa yang penting perlu diambil berat dan yang mustahak ialah dalam industri pertanian sebagai strategi utama adalah pasaran hendaklah teratur, cepat dan kualitinya tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, industri kecil perlu dipelbagaikan, tidak tertumpu kepada kraftangan, songket, anyaman, tembaga dan perak sahaja dan perlulah ditumpu sama seperti membuat jerut patung anak-anakan, barang mainan kanak-kanak dan lain-lain barang makanan dengan tujuan mengeksport. Saya menyokong atas dasar dan pelaksanaan yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang memainkan peranan penting bagi mengubah sikap penduduk kampung atau petani dan nelayan yang memberi perhatian lebih dalam pembangunan industri pertanian sebagai satu strategi. Kita berharap satu masa kelak masyarakat tani kita akan menjadi sebagai masyarakat perindustrian, dari masyarakat tani tradisional kepada

masyarakat tani dan nelayan moden dan dari industri pertanian kepada industri pembuatan dengan kawalan pasaran dari Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan Belanjawan yang dibicarakan hari ini memberi ingat kepada kita betapa merosotnya ekonomi dunia yang memberi tekanan berat kepada negara membangun, termasuklah negara kita. Untuk melonggarkan tekanan begitu berat, maka penyatuan tenaga manusia dan sumber alam secara sistematik amat penting. Sebagai contoh, Jepun dan Korea tidak mempunyai sumber alam, tetapi melalui sumber manusia, mereka dimasukkan dalam negara yang menggunakan manusia yang cekap dan mahir. Dasar Pandang ke Timur, Malaysia menjadi satu strategi pembangunan, tetapi rakyat diminta mempunyai penglibatan secara total dalam pembangunan melalui berbagai peringkat, termasuk pemimpin-pemimpin kaum, ketua-ketua Jabatan, ketua-ketua kampung, belia dan semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara membangun, kita menghadapi berbagai-bagai masalah, tetapi kita bersyukur kerana rakyat memberi mandat kepada Kerajaan Barisan Nasional melalui pilihanraya mentadbir dan menjalankan bahtera negara ini dengan baik.

Melalui Kementerian Pelajaran yang disediakan peruntukan lebih daripada \$4,000 juta adalah diharap rakyat akan menerima pelajaran bebas kerana ilmu adalah punca segala bentuk pembangunan. Apa yang diperlukan bagi sesebuah negara ialah ramai orang yang berilmu dalam apa juga bentuk ilmu. Saya suka menyarankan hari ini apa pandangan saya, negara kita dengan usaha Kerajaan bagi mengatasi pengangguran. Kita tidak boleh lari daripada menghadapi masalah, iaitu

krisis nilai dan krisis tanggapan mengenai ilmu pengetahuan kerana penilaian kita dibuat ke atas sekeping kertas yang kita panggil Sijil atau Diploma atau Ijazah. Untuk mengatasi ini dan bagi memberi galakan kepada bakal dewasa rakyat negara kita jangan memilih kerja, maka kita terpaksa mengutamakan kemahiran jenis pertanian, menggalakkan selok-belok penjagaan pokok dan lain-lain bidang yang difikirkan sesuai dengan kemahiran rakyat.

Bagi menggalakkan perdagangan luar, strategi pemasaran, misi dagang ke luar negeri perlu diperkemaskan. Selain dari itu, janganlah kita semata-mata mengharapkan pelabur asing melabur di negara kita. Apa yang perlu, pelabur dalam negeri juga hendaklah digalakan melabur dan membuka kilang di negara-negara lain dalam bidang perusahaan yang kita sudah mempunyai banyak pengalaman kerana kita memikirkan untuk memberi peluang pekerjaan kepada anak negeri kita sendiri, sedangkan peluang pekerjaan di negara kita amat terhad. Kita patut menggalakkan rakyat kita mendapatkan pekerjaan di luar negeri, kenapa tidak ada orang-orang Malaysia menjadi pengurus-pengurus hotel di Amerika, di Eropah dan lain-lain negara.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Suruhanjaya Pilihanraya yang diperuntukkan di dalam Belanjawan pada tahun 1987, saya suka juga mengambil kesempatan di dalam Dewan ini supaya pihak Suruhanjaya Pilihanraya dapat menubuhkan satu pasukan pendaftaran pengundi khusus bagi penuntut-penuntut kita yang berada di pusat-pusat pengajian tinggi, kerana penuntut-penuntut kita yang ada di pusat-pusat pengajian tinggi di dalam negeri ini telah melebihi had umurnya akan menjadi sebagai seorang pengundi, tetapi mereka amat sedikit sekali didaftarkan sebagai

pengundi. Begitu juga bagi pekerja-pekerja luar yang bekerja di Jabatan-jabatan Kerajaan di Ibu Kota Kuala Lumpur ini kita dapati mereka itu setengah daripadanya tidak mendaftar sebagai pengundi. Maka ini merugikan kepada masyarakat, khususnya kepada orang-orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bentuk memperuntukkan 30% hak bumiputera, adalah saya mencadangkan dan saya mengharap supaya kedudukan ini akan dikekalkan di dalam semua sektor supaya tidak ada pindaan-pindaan di dalam tujuan dan matlamat kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi bahawa Anggaran Belanjawan tahun 1987 adalah berpatutan dan sesuai benar dalam masa keadaan ekonomi meleset dan langkah-langkah Kerajaan bertindak segera untuk menstabilkan ekonomi dengan program membina 240,000 unit rumah kos rendah dalam tempoh 3 tahun dan meminta pihak bank menyumbangkan \$2,000 juta setahun bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara dan peluang pinjaman pelajaran kepada pelajar melalui bank-bank di negara ini. Sektor awam diberi perhatian berat untuk mengelak defisit akaun semasa Kerajaan bertambah setiap tahun. Bagi mengurangkan defisit ini, maka pembekuan kenaikan gaji dan kekurangan belanja Perbekalan tahun 1987 dikemukakan oleh Kerajaan. Berbagai galakan dorongan telah diberikan oleh Kerajaan untuk mempertingkatkan pertumbuhan eksport perkilangan. Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia tidak dapat lari daripada menghadapi tekanan ekonomi dunia. Kejatuhan harga barangan utama seperti minyak kelapa sawit dan getah dan lain-lain memberi kesan buruk kepada negara membangun.

Saya berharap Kerajaan Malaysia kita akan meneruskan kerjasama ekonomi di kalangan Negara-negara ASEAN agar keputusan positif dalam sektor pembinaan amat merosot. Adalah dicadangkan agar sektor ini dapat memainkan peranan yang penting supaya tiak menjejaskan pembinaan rumah-rumah kediaman dengan harga murah dan sederhana kerana hari ini rumah yang berharga tinggi sukar dibeli oleh sektor pengguna. Kerajaan Barisan Nasional menyedari hakikat bahawa rakyat negeri ini perlu dibentuk ke arah perkhidmatan sosial yang berkesan. Maka dengan sebab itu, peruntukan pelajaran hampir \$56 juta disediakan. Saya berharap Kerajaan akan menyekat pengaliran wang keluar dan peruntukan pertukaran wang asing diperketatkan agar pusingan wang dalam negeri tidak terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang pengeluaran padi di negara ini, oleh kerana kita masih lagi mengeksport beras ke negara-negara lain, maka adalah diharap Kerajaan mencari jalan bagi menambahkan pengeluaran beras dengan menambah skim perairan di kawasan jelapang padi di Kedah dan Kelantan kerana pada pandangan saya sebanyak 3.5% kepada 1,885 ribu tan metrik adalah disebabkan keluasan tanah tanaman padi tidak bertambah, sedangkan penggunaannya bertambah. Untuk mengatasi ini adalah dicadangkan agar cara penanaman padi ditambah dari dua kali setahun menjadi tiga kali setahun.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Belanjawan 1987 dipotong, tetapi saya berharap pemotongan pemberian dan saraan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, khususnya negeri Kelantan sangatlah diharapkan tidak begitu terjejas kerana negeri Kelantan sendiri menghadapi defisit Belanjawannya setiap tahun dan pembangunan untuk rakyat tertinggal

begitu lama yang ditinggalkan oleh pemerintahan PAS selama 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Kerjaraya yang peruntukannya \$1,583 juta, dalam kawasan saya di Kuala Kerai ada beberapa batang jalan package yang telah dibina oleh pihak JKR. Jalan-jalan itu merupakan jalan tanah merah, terutama jalan-jalan masuk ke rancangan-rancangan tanah masih lagi belum diturap dengan tar. Saya berharap Kementerian Kerjaraya akan menyediakan peruntukan bagi menurapkan tar jalan dari Temangan ke Kuala Nar, jalan dari Manik Urai ke rancangan tanah Cucur Puteri, rancangan-rancangan tanah lain yang ada di kawasan Kuala Kerai. Jalan-jalan yang saya sebutkan di atas tadi adalah merupakan perhubungan yang penting untuk rakyat berulang alik membawa keluar hasil tanaman mereka ke bandar Kuala Kerai dan seterusnya ke Kota Bahru. Saya sungguh bersimpati dengan rakyat di kawasan yang sebutkan tadi kerana bila musim tengkujuh atau musim banjir, jalan-jalan tadi langsung tidak boleh digunakan oleh sebarang kenderaan dan rakyat terpaksa berjalan kaki untuk keluar masuk.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang bekalan air di Kuala Kerai, dalam kawasan saya masih banyak kampung yang belum mendapat bekalan air bersih. Hanya 1/3 sahaja rakyat di Kuala Kerai dapat menikmati bekalan air yang sempurna. Paip-paip yang dipasang oleh JKR tiada air kerana mengharap mendapat punca air dari bukit, sedangkan punca air semuanya kering. Inilah yang menjadi masalah di kawasan saya hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada pemimpin-pemimpin Pembangkang, terutama di Kelantan, pemimpin-pemimpin PAS masuk kampung keluar kampung dalam masa

pilihanraya baru-baru ini, memberi tahu rakyat bahawa segala kemudahan asas seperti bekalan air, api dan lain-lain tidak perlu tetapi rakyat masih tidak menerima pandangan parti PAS itu. Bagi menyelesaikan keadaan bekalan air di Kuala Kerai, maka saya berharap sistem bekalan air Antah Bi-Water yang akan bermula tidak lama lagi itu dengan peruntukan lebih daripada \$1,400 juta dapat diselesaikan bekalan air bagi kawasan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya suka mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas usaha Kementerian Pertanian bagi menggalakkan pengeluaran hasil pertanian negara ini dengan tidak banyak memotong subsidi kepada petani dan nelayan kerana ini golongan yang patut diberi tumpuan dalam memodenkan Konsep Pertanian Negara. Saya mengambil kesempatan di dalam Dewan ini mengucapkan tahniah kepada seorang petani di negeri Terengganu yang dapat menghasilkan satu bentuk jentera membajak sawah dan jentera memotong rumput dengan membuka bengkel sendiri dan menggunakan bahan tempatan selain daripada enjin jentera itu. Saya harap Kementerian Pertanian akan memberi perhatian atas kebolehan petani ini iaitu Tuan Haji Ismail supaya Kementerian Pertanian dan lain-lain Kementerian dapat membeli jentera petani itu kerana harganya sesuai dan di samping kebanggaan atas kebolehan anak negeri ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap peruntukan Pembangunan 1987 akan menyatukan strategi pembangunan secara menyeluruh yang meliputi segala aspek pembangunan, seperti pembangunan pertanian, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, pembangunan masyarakat dan pembangunan rohani walaupun pertumbuhan ekonomi

tidak menggalakkan sejajar dengan perkembangan kemampuan negara. Namun begitu, peruntukan dan kemampuan, kemudahan yang perlu akan diteruskan sesuai dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan ekonomi luar bandar. Walaupun begitu, bagaimana ternyata dalam Buku Belanjawan ini, adalah wajar Kerajaan mencadangkan dinaikkan faedah pinjaman perumahan dan kereta sebanyak 2% dan bagi mengurangkan beban tanggungan pinjaman, maka saya bersetuju atas hasrat Kerajaan untuk melanjutkan tempoh bayaran balik oleh peminjam dan tempoh itu hendaklah juga dikaji di semua sektor termasuk sektor bank-bank dan lain-lain institusi kewangan di negara ini, termasuk pinjaman pelajaran kepada pelajar-pelajar dan kakitangan Kerajaan yang membuat pinjaman untuk melanjutkan pelajaran mereka ke luar negeri. Saya juga berharap kepada Kerajaan supaya semua aktiviti pembangunan selaras dengan matlamat di bawah Dasar Ekonomi Baru. Semua program yang dianjurkan oleh Kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Saya percaya realiti keadaan semasa adalah juga perlu diberi perhatian agar kita dapat menilai semua strategi pembangunan rakyat sejajar dengan keupayaan dan kemampuan sebenar ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyeru agar Kerajaan memberi perhatian yang wajar kepada semua agensi Kerajaan supaya projek Kementerian masing-masing tidak bertindih di antara satu sama lain kerana ini merumitkan penerimaan rakyat dan masyarakat. Satu perkara lagi yang saya sentuh di sini ialah usaha bagi meningkatkan pengeluaran hasil negara. Sebagaimana yang saya sebutkan di atas tadi ialah soal teknologi, kerana teknologi amat perlu untuk kemajuan kegiatan ekonomi negara. Teknologi yang

cekap dan berkesan boleh meningkatkan hasil yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah kepada pihak polis dan jabatan penjara yang telah dapat menyelesaikan kes penahanan dua orang tebusan di dalam penjara baru-baru ini. Kita patut menjunjung tinggi di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak polis, penjara dan pihak-pihak lain bagi menyelesaikan kes itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pembangunan negeri Kelantan, saya juga suka sentuh oleh kerana negeri Kelantan adalah merupakan sebuah negeri yang amat tertinggal sebegitu lama di dalam pembangunan, kerana di dalam masa pemerintahan PAS sebagaimana saya katakan tadi selama 18 tahun, sejak tahun 1979 barulah Kelantan dapat membangun setelah dapat diperintah oleh Kerajaan Barisan Nasional. Kelantan menghadapi kekurangan wang setiap tahun dan merupakan sebuah negeri yang tertinggal dan dengan itu di atas Belanjawan yang dibentangkan di dalam Dewan ini supaya negeri Kelantan tidak dipotong sebegitu teruk, supaya pembangunan-pembangunan dapat diteruskan untuk rakyat negeri Kelantan kerana negeri Kelantan tidak ada sumber kewangan yang khusus selain daripada sumber-sumber tanah yang telah sedia ada. Negeri Kelantan akan menghadapi satu suasana ekonomi yang teruk kerana negeri Kelantan tidak mempunyai lapangan terbang yang besar yang boleh digunakan oleh kapalterbang-kapalterbang perdagangan atau pelabuhan yang boleh digunakan sebagai satu pelabuhan.

Kawasan perindustrian yang berada di Pengkalan Chepa juga tidak mendapat sambutan yang begitu baik

di kalangan pelabur-pelabur asing kerana kekurangan dan tidak ada jalan untuk membawa barang-barang untuk diproseskan. Bagi menampung pengangguran yang bertambah, adalah diharapkan satu kilang, saya suka menyentuh di sini, saya masih ingat lagi, satu ketika dahulu Kerajaan akan membina sebuah kilang kertas di negeri Kelantan dan kilang kertas itu pula Kebetulan telah dicadangkan di dalam kawasan saya di Kuala Kerai, tetapi sehingga hari ini projek itu tidak dapat dilaksanakan dan senyap begitu sahaja. Maka saya harap kilang kertas ini dapat diproseskan pendiriannya oleh Kerajaan Persekutuan kerana dengan cara itu akan mengurangkan beban pengangguran di kalangan belia-belia di negeri Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambah hasil negeri Kelantan adalah diharap Kerajaan Pusat dapat membantu Kerajaan Negeri Kelantan kerana negeri Kelantan didapati mempunyai hasil bumi yang banyak, negeri Kelantan mempunyai hasil emas yang mempunyai nilai yang tinggi tetapi tidak dapat dikeluarkan kerana tidak mempunyai cara teknologi ataupun tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk diproses pengeluaran bijih di negeri Kelantan khususnya bijih emas.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sedikit sebanyak yang dapat saya sentuh bagi menyokong anggaran Belanjawan yang dibentangkan di dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan baru-baru ini. Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kok Lanas.

5.41 ptg.

Dato' Abdullah Ahmad (Kok Lanas): Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan tahun 1987 tidak

mengejutkan saya kerana dalam Belanjawan ini tidak ada satu perkara pun yang mengejutkan ataupun, dengan izin, anything shocking bagi rakyat dan kita semua. Namun begitu saya mohon menyokong Belanjawan negeri tahun 1987.

Sebenarnya, Belanjawan tahun 1987 ini tidak sempurna atau, dengan izin, imperfect. Negara dan kita semua sedang menghadapi satu masa yang agak susah, satu period, atau satu zaman yang serba-serbi tidak sempurna atau kita tinggal dalam dunia yang imperfect, dengan izin. Tiada Belanjawan di mana pun yang akan menggembirakan semua rakyat. Sebaik Belanjawan pun akan ada manusia yang akan bersungut ataupun, dengan izin, complaint. Begitulah juga keadaannya dengan Belanjawan negara tahun hadapan.

Sesungguhnya tiada sebarang cadangan baru atau, dengan izin, any new proposals dalam Budget ini dalam bidang pungutan hasil. Saya berasa sungguh dukacita, kerana cukai terhadap arak dan tobacco atau rokok agak rendah. Saya rasa kenaikan 5% itu rendah dan sepatutnya dinaikkan lebih tinggi lagi dalam usaha menambahkan hasil negara. Negara kita sedang menghadapi kesusahan kewangan dan kita memerlukan kewangan yang banyak. Dalam masa pungutan hasil yang terhad oleh kerana keadaan ekonomi kita yang meleset dan lembab, kita harus menaikkan hasil arak dan tobacco ini lebih tinggi lagi kerana kedua-dua ini adalah bukan perkara keperluan harian rakyat atau, dengan izin, non-essentials. Maka biarlah mereka yang mahu minum arak dan merokok terpaksa membayarnya dengan harga yang lebih tinggi lagi. Saya sedar perimbangan harus ada dengan apa yang patut dinaikkan cukai dengan apa yang patut menjadi, dengan izin, deterrence kepada perkara-perkara yang akan langsung tidak memberi hasil kepada negara kita.

Saya kurang jelas kenapa pihak Perbendaharaan tidak sekeras mungkin menaikkan hasil barangan yang tidak menjadi keperluan harian rakyat seperti arak dan rokok? Saya sedar mungkin Kerajaan takut akan, dengan izin, smuggling ataupun penyeludupan barang-barang yang tidak perlu ini tetapi saya percaya jika ada penguatkuasaan yang lebih ketat lagi, penyeludupan dapat diatasi. Hatta zaman ekonomi tidak meleset pun penyeludupan beras dan barangan yang lain wujud.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi cadangan menaikkan hasil negara yang telah menarik perhatian rakyat ialah cara baru Kerajaan memungut hasil cukai pendapatan melalui skim pemotongan wajib bulanan iaitu terhadap pekerja-pekerja yang, dengan izin, tax liabilitynya lebih dari \$500 setahun pada tahun taksiran. Ini telah pun digelarkan sebagai PAYE atau, dengan izin, Pay As You Earn system dan kebimbangan telah merebak di kalangan rakyat kerana kononnya ini adalah, dengan izin, double taxation. Tetapi saya sukacita kerana itu tidaklah sebenarnya dan kita patut berterima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana telah membuat penjelasan tentang perkara ini. Tidak ada, dengan izin, double tax burden ataupun bebanan cukai dua kali potong tiap-tiap bulan tahun hadapan. Sebenarnya ini adalah bayaran tangguhan atau, dengan izin, deferred payment atau pay-as-you-earn.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan galakan baru kepada sektor swasta dengan keadaan yang dihadapi oleh Kerajaan pada hari ini maka tidak ada banyak jalan bagi Kerajaan untuk memberi galakan itu atau, dengan izin tax breaks.

Kita telah berharap pemotongan cukai korporat tetapi tidak ada kerana saya rasa Perbendaharaan tidak

sanggup memotongnya dalam masa ekonomi yang lembab dan sumber kewangan yang terhad. Sungguhpun begitu saya sebagai seorang ahli perniagaan berasa cukai korporat yang ada hari ini agak tinggi sedikit jika dibandingkan dengan cukai korporat negara-negara jiran kita.

Saya berharap, sungguh-sungguh berharap apabila ekonomi kita pulih kelak ataupun pada tahun hadapan, Kerajaan patut menurunkan cukai korporat ini kepada 35% atau lebih baik lagi kepada 30% sahaja. Saya gembira bahawa ada juga galakan atau, dengan izin, incentive bagi private sector dan kami di private sector bersyukur dan berterima kasih.

Saya merujuk kepada galakan baru untuk eksport kepada industri perkilangan. Ini satu incentive atau satu galakan yang bukan boleh diketawakan. Pemotongan hingga pada kadar 50%, dengan izin, adjusted income berasaskan kepada tingkatan barang export company mengikut proporsi jumlah jualan adalah satu galakan yang harus menggalakkan kempen eksport kita. Export allowance 5% di atas nilai FOB kepada pengeksporth-pengeksporth dan pengilang-pengilang yang mengeksporth barang adalah satu lagi incentive kepada orientasi eksport kita.

Saya juga sangat tertarik hati kepada incentive dan galakan yang diberi kepada latihan yang diuluskan atau dengan izin, approved training. Sesungguhnya latihan-latihan yang baik ialah satu pelaburan yang amat mustahak yang tidak ada banding harganya. Sampai sekarang, dengan izin, double deduction bagi tiga bulan pertama gaji yang dibayar kepada seorang pekerja yang terlatih hanya dihadkan kepada industri pembinaan sahaja yang berdaftar dengan Kementerian Buruh.

Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan Budgetnya telah pun meluaskan incentive ini kepada industri-industri perkilangan. Saya memuji Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana dengan ini beliau menggalakkan private sector untuk memainkan peranan yang lebih cergas atau, dengan izin, lebih vigorous lagi dalam melatih pekerja-pekerja dan mempertingkatkan lagi kemahiran dan menambahkan lagi daya pengeluaran dan tenaga manusia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam keadaan yang kita hadapi sekarang tidak dapat memberi banyak incentive atau galakan kepada rakyat dan juga kepada private sector. Saya harap kedua-dua pihak ini sedar akan keadaan ini, walaupun kita tidak suka, terutama sekali kepada mereka di private sector kerana mereka adalah orang yang pragmatic dan mereka sedia bersetuju dengan Kerajaan bahawa kita tidak harus berbelanja lebih daripada pendapatan kita ataupun lebih daripada kemampuan kita.

Apa yang mustahak ialah dalam keadaan kewangan atau, dengan izin, Fiscal environment yang wujud hari ini ini, Kerajaan telah walaupun, dengan izin, marginally ataupun sedikit memberi galakan kepada private sector. Apa yang mustahak bagi kita di private sector ialah kita tidak terasa tidak digalakkan. Sesungguhnya saya rasa apa yang mustahak dalam Budget Negara Tahun 1987 ini ialah tidak di dalam bidang pungutan cukai atau dalam bidang galakan. Tetapi sebenarnya apa yang menjadi, dengan izin, central featuresnya, ialah dalam, dengan izin, expenditure side atau Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan. Saya menyeru kepada semua untuk menyokong dan kita patut memuji keazaman Kerajaan dan keberaniannya memotong Perbelanjaan Mengurus dan juga

Pembangunan agar kedua-dua ini dalam lingkungan yang wajar dalam usaha kita menurunkan defisit perpelanjaan.

Sesungguhnya Kerajaan telah menunjukkan rasa tanggungjawab dan telah cuba untuk berbelanja rendah mungkin dalam keadaan ekonomi yang lembab dan tidak cuba berbelanja berlebih-lebihan melalui pinjaman luar yang akan membebankan kita lagi dan akan mendedahkan kita kepada pengaruh-pengaruh kuasa luar. Saya yakin setiap rakyat Malaysia akan bergembira dengan usaha Kerajaan memotong Perbelanjaan Mengurus dan juga dalam penarikan dirinya berperingkat-peringkat daripada memainkan peranan penting dalam, dengan izin, public sector economy ataupun sektor ekonomi awam dan mereka yang terganggu dalam penarikan ini, baik secara langsung atau tidak langsung, tentu akan bersungut.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun ada sungutan hari ini. Sungutan saya dan saya bersungut sekarang dan tidak senang hati saya dengan pemotongan kepada perbelanjaan bagi polis dan Angkatan Bersenjata kita. Saya rasa pemotongan ini agak berat sedikit, dengan izin, too steep. Keselamatan dan pertahanan negara adalah satu priority, satu keutamaan yang jelas di mana pisau surgeon atau doktor bedah patut digunakan bukannya menggunakan kapak, dengan izin, chopper, tukang sembelih atau dengan izin, butcher. Kita seharusnya lebih sedar bahawa Pasukan Polis dan Tentera kita mesti berada di tahap tertinggi kemampuan dan kemahirannya untuk menjamin keadaan negara kita sentiasa selamat dan untuk ke arah ini, kita terpaksa membuat pengorbanan sedikit kepada bidang yang penting ini. Kita juga harus jangan nampak, sungguhpun kita tidak berniat demikian, pemotongan itu sehingga menjatuhkan morale atau

semangat Polis dan Angkatan Bersenjata kita. Peranan tradisi Kerajaan, masa susah atau zaman kemakmuran, tetap serupa sahaja. Kita harus begitu sungguhpun kita menarik diri dari satu profile yang tinggi dan satu peranan yang aktif dalam ekonomi tetapi janganlah pula kerana itu kita hilang, dengan izin balance atau pengimbangan dan dengan izin, sense of perspective.

Tuan Yang di-Pertua, keseluruhannya dalam pemotongan perbelanjaan Kerajaan kita harus berbuat demikian. Tetapi saya memohon, janganlah kita hilang perasaan kasihan belas kita yang adalah menjadi lumrah kita sebagai insan. Saya sangat sukacita melihat bahawa kenaikan faedah untuk pegawai-pegawai Kerajaan meminjam membeli rumah tidak melibatkan pegawai-pegawai rendah dan mereka yang daif. Saya juga nampak bahawa perasaan yang serupa diberi kepada faedah klinikal dan perubatan. Saya memohon kepada Kerajaan untuk lebih, dengan izin, flexible lagi atau lebih longgar lagi dan kasihan belas lagi; janganlah memotong dengan drastic dalam bidang-bidang sosio-ekonomi dan kemudahan-kemudahan masyarakat untuk orang-orang bawahan.

Saya juga menyambut baik usaha Kerajaan membanyakkan lagi tempat-tempat belajar di universiti tempatan dan apa lagi galakan bagi mewujudkan kolej-kolej private di negara kita ini dan apa lagi kolej-kolej yang ada hubungan yang baik dengan universiti-universiti yang benar-benar baik di luar negeri kerana ini akan menjimatkan wang dan akan meramaikan lagi pelajar-pelajar kita belajar di negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, masa depan kita agak gelap sedikit dan kita sedang menghadapi satu tahun hadapan yang

agak penuh cabaran, atau dengan izin, a rough year ahead of us. Budget Tahun 1987 telah dengan realistiknya meletakkan kita dalam keadaan yang kita harus bersedia untuk menghadapi cabaran ini. Harapan saya Budget Tahun 1988 akan melahirkan banyak lagi strategi bagi memulihkan ekonomi negara ini dalam usaha kita untuk melepaskan diri daripada ekonomi yang lembab ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Serian.

5.55 ptg.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak (Serian): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera dan salam muhibbah, ingin saya utarakan bagi pihak rakyat di kawasan Serian P.159. Walaupun saya berdiri di sini pada hari yang mulia ini sebagai Wakil Bebas, tetapi pada hakikatnya saya ada penyokong-penyokong saya sentiasa bersama Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri kita (*Tepuk*).

Berhubung dengan itu, saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan menyokong Ucapan Belanjawan 1987 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia yang begitu padat dan rapi di mana ianya sekalipun konservatif tetapi tidak membebankan rakyat dan secara keseluruhannya mencerminkan hasrat Kerajaan untuk membela nasib rakyat, terutama sekali rakyat di luar bandar. Bagi kita semua di Dewan yang terhormat ini harus menjadikannya sebagai satu titian untuk merangka strategi bagi kesejahteraan rakyat selaras dengan memanifestasikan dengan tersirat di waktu kita bersemuka dengan rakyat di waktu pilihanraya yang baru-baru lalu. Dalam Kerajaan yang mengamalkan sistem demokrasi

berparlimen, saya percaya hak asasi setiap rakyat dan kawasan itu terjamin sekalipun ianya diwakili oleh seorang calon Bebas.

Dukacita saya memaklumkan di sini bahawa di waktu pilihanraya dan sampai ke hari ini setengah-setengah pegawai tinggi Kerajaan di kawasan saya dan Kerajaan Negeri bersikap tidak demokratik di mana di dalam ucapan Pegawai Daerah di waktu menyambut hari Kebangsaan menyatakan bahawa rakyat di Serian telah salah membuat pilihan iaitu memilih calon Bebas dan akibatnya Daerah Serian tidak akan diberi peruntukan dan pembangunan sepanjang jangka masa saya menjadi Ahli Parlimen. Dan di situ juga, di satu majlis rasmi penubuhan mesyuarat koperasi daerah Serian, Pengarah Buruh telah menyatakan dengan angkuhnya penghormatan tidak patut diberi kepada Yang Berhormat calon Bebas kerana beliau bukan calon Barisan Nasional. Adakah benarnya keadaan serupa ini? Saya percaya Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad tidak bersikap demikian dan saya meminta pihak Kerajaan harus membetulkan sikap pegawai seperti yang saya katakan tadi dan mereka harus berkhidmat dengan penuh dedikasi supaya tidak menjejaskan kewibawaan jentera perkhidmatan awam dan matlamat perpaduan masyarakat dan kaum di negara yang kita cintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita memang menyedari negara sedang menghadapi pertumbuhan ekonomi yang lembab. Dengan yang demikian, saya percaya segala daya usaha Kerajaan dalam menghadapi gejala ini sememangnya ke arah kesejahteraan kita bersama dan kemakmuran negara keseluruhannya. Pembentangan Belanjawan pada kali ini sekalipun sukar bagi kita hendak menerima

secara menyeluruh tetapi memandangkan keadaan ekonomi negara yang tidak menentu maka sudah tentu sikap bersederhana harus kita anuti bagi meringankan beban rakyat dan negara keseluruhannya. Dalam meningkat dan menambahkan produktiviti, kita harus mengenalpasti ke arah mana rakyat itu harus kita arah untuk tujuan itu. Dalam soal ini pembangunan hakiki dan mental masih belum lagi terdapat di kawasan luar bandar Sarawak terutama di kawasan orang-orang Dayak Bidayoh. Apakah produktiviti dapat ditambah dengan teori sahaja atau adakah orang-orang Dayak Bidayoh itu yang tidak mahu produktif? Jawapannya orang-orang Bidayoh sememangnya mahu produktif, kalaulah Kerajaan Pusat dan Negeri benar-benar ikhlas dan bersimpati ke atas keadaan kami.

Kita tidak nafikan bahawa pembangunan asas itu memang sudah ada, tetapi adakah ianya dapat memberi manfaat untuk tujuan mengembangkan ekonomi kami. Jalan raya, sekolah, klinik, bekalan elektrik dan telefon akan terus menjadi hiasan sahaja sekiranya perut kami terus kelaparan. Kegiatan ekonomi sangat berkurangan di kawasan luar bandar, ini menyebabkan penghijrahan tenaga muda ke kawasan bandar dan kalaulah ada daya usaha hendak meningkatkan daya produktif di peringkat kampung mungkin sukar dicapai.

Dilihat dari perspektif masyarakat Dayak, penjajah British menggalakkan perkembangan masyarakat secara plural melalui amalan pecah dan perintah. Pihak British telah menggalakkan kedatangan tenaga buruh dari negeri China untuk kepentingan ekonomi, penaja dalam sektor perlombongan emas di Bau, perkara membina jalan raya untuk sektor perdagangan, bertolak dari sejarah ini segala kuasa ekonomi dan jawatan penting dalam Kerajaan didominasi oleh orang-orang Cina di

waktu penjajahan sehinggalah ke hari ini. Kejadian serupa ini sungguh dikesali terutama sekali di peringkat negeri di mana sudah sememangnya ekonomi itu tidak dinafikan bahawa ianya kukuh di tangan mereka.

Di dalam sektor awam, mereka menjawat jawatan sebagai kuasa pemutus seperti Pengarah Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Pertanian, Jabatan Kerjaraya, Jabatan Parit dan Taliair, Perhubungan dan ketiga-tiga Majlis Perbandaran Kuching, Sibu dan Miri serta Pengerusi Yayasan Tunku Abdul Rahman dan Pengerusi Jawatankuasa Tanah Negeri juga diletakkan di tangan orang-orang China. Gambaran serupa ini sungguh memalukan masyarakat bumiputera terutamasekali masyarakat terbesar di Sarawak iaitu masyarakat Dayak. Bukan saya katakan orang China tidak boleh kaya dan berkuasa, tetapi biarlah berpada, jangan seperti kaduk naik junjung.

Tuan Tieu Sung Seng (Sibu):
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun.

Tuan Tieu Sung Seng: Penjelasan!

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan. Hendak beri atau tidak?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Tidak sempat, kerana ini ada banyak.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dia tidak beri.

Tuan Tieu Sung Seng: Ada hakikat yang tidak betul, kalau berani.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan cakap lagi. Dia tidak beri jalan. Sila duduk!

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Saya mencadangkan agar Kerajaan Pusat harus membuat perhatian khusus kepada keadaan ini supaya apa

jua peruntukan yang diuntukkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak itu digunakan berseimbang dengan keperluan sesuatu kawasan dan masyarakat yang benar-benar memerlukannya. Kita masyarakat bumiputera khususnya masyarakat Dayak merasa terkilang seolah-olah kami orang dijajahi sekali lagi, sekalipun sudah mula bersama masyarakat lain di Malaysia.

Perpecahan kami masyarakat Dayak memang begitu ketara di segi politik, umpamanya di dalam Dewan yang terhormat ini sahaja ada 13 orang Dayak, tetapi malangnya dari berlainan parti, memang sudah ada titik perpaduan kami pada hakikatnya, tetapi segala niat suci itu sentiasa **dicurigai oleh pucuk pimpinan** Barisan Nasional di Sarawak. Dari kesedaran ini maka saya berani bercakap sebab sekalipun peruntukan negara diberi kepada Sarawak selagi kami tidak mendapat restu untuk bersatu seperti UMNO, selama itu masyarakat Dayak akan ketinggalan dalam apa-apa jua urusan pembangunan nasional. Apakah salahnya Dayak bersatu dalam satu parti seperti juga Melayu bersatu dengan gagahnya dalam UMNO, Cina dalam MCA dan India dalam MIC. Dilemma perpaduan yang hakiki harus difikirkan oleh setiap masyarakat Dayak di Sarawak bagi mengelak diri kita berpecah dan diperintah oleh kuasa yang terlalu mementingkan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bukanlah saya menyatakan Kerajaan tidak menyedari hakikat ini, tetapi sampai bila dan berapa lama lagi kami masyarakat Dayak khususnya orang-orang Dayak Bidayoh harus berlapar dan menunggu laba yang telah dirasai oleh saudara kita dari masyarakat lain terutama sekali seperti yang dicapai oleh adik-kakak di Semenanjung ini.

Dalam kita menghadapi iklim ekonomi yang lembab ini, maka sudah tentu masyarakat di luar bandar lebih

merasa pahit peritnya. Oleh yang demikian kami orang-orang Dayak Bidayoh dan suku kaum ethnic yang lain sudah tentu menghadapinya dengan dilemma kira-kira jurang perbezaan ekonomi tidak diseimbangkan dengan kaum lain yang telah maju.

Kita semua maklum bahawa masyarakat Dayak Bidayoh adalah sebuah masyarakat yang terdiri daripada kaum tani dan menghadapi berbagai masalah di segi pembangunan tanah dan pengeluaran.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan tanah adalah satu-satunya harta pusaka mutlak yang dimiliki oleh masyarakat bumiputera, maka tidak dapat dipisahkan **pertanian sebagai salah satu kegiatan ekonomi** yang dipusakai oleh mereka turun-temurun. Dengan yang demikian sudah tentu kami bumiputera di Sarawak mengalu-alukan kedatangan FELDA dan kami berikrar akan memberi sokongan ke arah itu demi untuk kesejahteraan serta meningkatkan ekonomi dan produktiviti masyarakat bumiputera di Sarawak. FELDA adalah satu konsep baru dalam pembangunan tanah di Sarawak, dengan yang demikian sudah tentu banyak rintangan dihadapi dalam menyesuaikan kaedah dan keperluan terutama kelainan konsep Akta Tanah Sarawak dan Persekutuan. Dalam soal ini saya cadangkan supaya tanah Kerajaan di Sarawak, Aktanya harus diseragamkan dengan Semenanjung, supaya FELDA tidak menghadapi masalah pelaksanaan demi untuk kepentingan masyarakat tani di Sarawak. Apakah perlunya L.C.D.A. dikahwinkan dengan FELDA dan kenapa tidak FELDA diberi status mutlak untuk berhubung terus kepada rakyat.

Dukacita dimaklumkan bahawa di waktu pilihanraya dahulu kononnya isu-isu tanah telah digunakan oleh

saya untuk mencapai kemenangan, anggapan ini adalah tidak benar, kerana kepincangan dalam mengendalikan pentadbiran tanah telah berlaku sebelum adanya ura-ura Pilihanraya Parlimen. Di kawasan saya telah diadakan upacara besar-besaran yang dijalankan oleh sebuah parti dari komponen Barisan Nasional di Sarawak iaitu upacara penyampaian grant tanah kepada 253 petani Cina pada 10hb Jun, 1984. Tanah yang dimaksudkan itu adalah hak mutlak iaitu Jerami atau temuda orang bumiputera dan selang beberapa tahun ianya selepas Pilihanraya Parlimen grant tanah telah diambil balik oleh Kerajaan, kononnya tersalah beri secara senyap-senyap. Adakah Kerajaan Negeri sudah tersasul atau sengaja hendak melagakan orang-orang bumiputera dan bukan bumiputera. Keadaan serupa ini boleh meretakkan perpaduan rakyat.

Dr Leo Michael Toyad: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun, hendak beri jalan?

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak lagi, mungkin tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Tieu Sung Seng: *(Bangun)*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat dari Sibü.

Tuan Tieu Sung Seng: On point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Point of order apa itu?

Tuan Tieu Sung Seng: Selama Yang Berhormat dari Serian berucap, misalnya, perkara Pengerusi-pengerusi Perbandaran Sibü, Kuching

dan Miri diduduki oleh orang Cina. . . .

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Serian, sila duduk. Dia bercakap atas point of order.

Tuan Tieu Sung Seng: . . . dan mengatakan di Dewan ini. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila duduk! Dengar dia berucap dahulu.

Tuan Tieu Sung Seng: . . . hanya beberapa orang wakil Iban sahaja di Dewan ini dan kini dia mengatakan tanah-tanah yang ada di Serian diberi kepada orang-orang Cina secara haram. Ini melanggar Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c), iaitu perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya harap janganlah bercakap perkara-perkara yang boleh membangkitkan perselisihan faham. Sila teruskan. Kalau specific boleh, jangan sebutkan secara am. Sila teruskan.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak: Tuan Yang di-Pertua, dalam meningkatkan lagi perpaduan kaum sudah sememangnya adalah tanggungjawab kita bersama. Sungguhpun demikian, kita harus juga mengambil kira struktur wilayah dan socio ekonomi di antara satu wilayah dengan wilayah yang lain. Dalam kontek ini pelaksanaan rancangan integrasi nasional sudah tentu banyak memberi kebaikan dan juga penilaian yang rasional terhadap akibat buruk-baiknya.

Rancangan Feri Malaysia adalah satu cara penghubung munibbah di antara tiga wilayah. Namun demikian, kita tidak boleh mengukur pencapaiannya berdasarkan kepada berapa banyak penggunaannya. Pengukurannya tidak dikaitkan dengan struktur ekonomi ketiga-tiga wilayah. Tidak lengkap kalau kita tidak menyatakan soal ekonomi oleh kerana ini ada hubungan kaitnya dengan perjalanan yang menggunakan ongkos. Kalaulah jurang ekonomi di antara orang-orang Semenanjung itu lebih tinggi dari kami masyarakat Dayak Bidayoh yang sekarang 65% di bawah paras kemiskinan maka sudah tentu banyak pelawat dari Semenanjung yang datang menemui kami sebagai bahan tuntutan dan **berkurangan orang kami melawat** Semenanjung. Oleh yang demikian, dalam keadaan yang masih panas terhadap integrasi nasional maka kita tidak harus melupai integrasi ekonomi juga harus dilaksanakan dengan jujur supaya merapatkan lagi jurang yang ada pada hari ini. Dalam kita melangkah ke arah integrasi nasional, kita tidak harus terburu-buru membuat keputusan dengan tidak merujuk kepada rakyat.

Dalam hal ini, Akta Imigresen Sarawak harus juga diambil kira bagaimana halnya dengan penggunaan pasport itu berlaku. Perasaan rakyat Sarawak harus ditanya melalui Dewan Undangan Negeri selaras dengan persefahaman dalam IGC Report sebelum Sarawak memasuki Malaysia. Ini bukan bermakna kita tidak menyetujui hasrat Kerajaan tetapi biarlah ianya dibuat dengan teliti dan jujur. Bukankah kita mengamalkan sistem demokrasi. Kita tidak mahu sikap sudah dibuat baharu berunding.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru sememangnya patut dipanjangkan lagi tempohnya selepas tahun 1990 memandangkan

kepincangan yang masih ketara, bukan sahaja di kalangan orang-orang Melayu, malah menyeluruh kepada kaum bumiputera lain di Sarawak dan Sabah amnya dan masyarakat Dayak Bidayoh khususnya. Dengan kata lain kita sememangnya bersama bersependapat dan memberi penghormatan kepada UMNO kerana berani dan tegas dalam soal menentukan baik buruknya nasib masa depan masyarakat bumiputera. Di atas dasar ini kemenangan saya di dalam pilihanraya yang lepas kerana rakyat tempatan merasa wakil kami telah mengabaikan tanggungjawabnya untuk berkhidmat secara jujur dan ikhlas kepada masyarakat bumiputera yang menjadi inti dan punca kemenangan Barisan Nasional masa **yang lalu. Kami orang Bidayoh ibarat** seperti itek berenang di atas air mati kehausan dan seperti ayam di kepok mati kelaparan. Saya sungguh kesal dengan nada sumbang yang disuarakan oleh musuh Dasar Ekonomi Baru mahupun mereka di dalam Barisan Nasional atau dan diapa-apa sektor.

Sebagai seorang yang datangnya dari masyarakat yang tahap kemiskinannya begitu tinggi maka sudah tentu tindakan ke arah meninggikan taraf hidup serta kedudukan harus kita titikberatkan. Dalam kontek ini, ingin kita bertanya kepada Kerajaan Barisan Nasional Sarawak lebih tepat lagi kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak ke arah manakah kiblatnya di waktu menghadapi cabaran dan juga persoalan dalam memanjangkan tempoh Dasar Ekonomi Baru ini. Adakah nadanya seirama dengan UMNO atau hanya melepas batuk di tangga kerana takut menyinggung perasaan si anu?

Dalam mengagih khazanah negara, Kerajaan harus benar-benar pasti yang ianya sampai kepada rakyat bumiputera. Jangan hanya sekadar

puas hati melihat angka bila mana di beri taklimat oleh sesuatu jabatan atau badan yang kononnya memegang amanah bagi pihak bumiputera itu. Umpamanya, baharu-baharu ini di Kuching diadakan majlis menandatangani kontrak agensi untuk menjadi pengedar utama Mayang Teh dalam kawasan saya di Serian. Di antara Mayang Teh Sendirian Berhad dengan sebuah syarikat bukan bumiputera iaitu Timuran Jong Brothers Berhad. Hakikatnya pembangunan plantation ini dikatakan untuk menaikkan taraf ekonomi bumiputera, khususnya masyarakat Bidayoh tempatan, tetapi dari gambaran peristiwa ini orang Bidayoh akan terus menjadi hamba abdi di tanahnya sendiri, manakala hasil keuntungan diharap orang bukan bumiputera konon pakar dari segi pemasaran. Kenapa Kerajaan Negeri tidak memberi peluang pemasaran ini kepada masyarakat bumiputera, khususnya orang Bidayoh terlebih dahulu kalau tidak ada orang kita yang tampil menyahut cabaran, baharulah diberi kepada orang lain.

Ini tidak seolah-olah mereka sahaja yang pandai dan mahu hidup dari titik peluh dan darah orang Bidayoh. Kalaulah begini sikapnya agensi Kerajaan Negeri Sarawak 100 tahun Dasar Ekonomi Baru tidak akan mencapai matlamatnya. Petikan dari Sarawak Tribune bertarikh 30hb September, 1986, dengan izin, "Mayang set for 30% share of tea market," sebagai bahan rujukan supaya Dewan terhormat ini mendapat gambaran yang lebih jelas mengapa saya menimbulkan scenario yang pimpinan negeri kurang mengambil perhatian terhadap masyarakat Bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, brang siapa yang mengkhianati Dasar Ekonomi Baru samalah juga seperti mengkhianat masyarakat Bumiputera dan kaum lain yang masih dan yang

sedang dalam menghadapi ketidak seimbangan ekonomi.

Oleh yang demikian, Dasar Ekonomi Baru tidak harus diukur dari tarikh ianya dilaksanakan dan tarikh penamatnya, ianya harus diukur dari pencapaian yang hakiki, ikhlas dan jujur dari semua lapisan masyarakat di Malaysia. Di Sarawak kalau hendak diukur pencapaian Dasar Ekonomi Baru dari segi statistik mungkin mengelirukan oleh kerana kebanyakan sektor yang diukur itu adalah di sektor awam, anak syarikat yang kononnya memegang ekuiti besar bagi pihak Bumiputera tetapi keadaan sebenarnya adalah lain dikata lain dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya membuat pertanyaan kepada Menteri Perusahaan Awam, adakah bidang kuasanya menyeluruh dalam menyelaraskan dan melaksanakan dasar terhadap SEDC, terutama sekali SEDC Sarawak, kalaulah keadaan seperti yang ada pada hari ini berterusan iaitu SEDC menekankan projek prestigious seperti Sarawak Plaza dan Pantai Damai, saya rasa ianya tidak akan memberi erti kepada masyarakat miskin, kalau ada projek ekonomi lain SEDC yang menjadi rakan saingan terhadap perniagaan dan kontraktor Bumiputera dan tidak berfungsi sebagai suatu daya menolong dan membimbing Bumiputera sepertimana yang diharapkan oleh Bumiputera selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam hal yang demikian, adakah usaha kita hendak memanjangkan Dasar Ekonomi Baru hanya setakat melanjutkannya, adakah polisi akan tinggal sebagai polisi, sudah tentu tidak. Oleh yang demikian, jentera implementasi harus dibaiki dan bersikap jujur serta ikhlas dan dedikasi, perlaksanaannya harus jangan bercorak penekanan politik dan pengkhidmat-pengkhidmat awam

harus dibimbing ke arah keikhlasan serta berorientasikan tindakan cekap, bersih dan amanah.

Kita tidak mahu jentera pelaksanaan serupa dengan siri TV, Yes Minister sahaja. Di sektor awam pihak pentadbiran harus mempercepatkan proses pendaftaran segala hal ehwal urusan perniagaan bagi mengurangkan masa yang terbuang bagi meningkatkan produktiviti. Di masa ini pendaftaran sesuatu syarikat yang dikendalikan oleh sesuatu jabatan Kerajaan terlalu memakan masa hingga boleh menghindar dan melemahkan daya pusingan sesuatu usaha itu untuk mengetahui sama ada pendaftaran itu lulus atau tidak. Di sini disyorkan supaya dikurangkan red-tape.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah di bawah langit dan di atas bumi Tuhan ini menyintai kesusahan dan kemiskinan. Oleh yang demikian, begitu juga kami rakyat bumiputera di Sarawak, justru itu kami di Sarawak sangat mengalu-alukan bilamana ura-ura Kerajaan Pusat untuk mengambil alih SESCO, dengan harapan ketidakseimbangan penyaluran kuasa dan harga tarif dapat diturunkan seperti yang ada di sebelah sini. Kenapakah ura-ura itu akhir-akhir ini senyap sahaja. Adakah Kerajaan pusat merasa kecut bilamana melihat beban yang akan dihadapi dan pikulnya. Kita semua sudah maklum bahawa SESCO telah membuat pinjaman yang begitu besar dalam meluaskan perkhidmatan kepada rakyat di Sarawak di mana pinjaman itu dirundingkan dalam matawang Jepun, yen. Pada tahun lepas dengan kadar tukaran yang menguntungkan kita tetapi malangnya akhir-akhir ini yen telah naik begitu tinggi dan apakah nasib ke atas pinjaman itu, maka sudah tentu akan membebaskan lagi rakyat Sarawak yang harus memikul beban yang telah ditaja oleh Kerajaan itu. Patutkah rakyat yang

tidak berdosa itu dihukum kerana kesilapan Kerajaan?

Rancangan hydro di Batang Ai memang sudah tentu menjadi kebanggaan kepada kami di Sarawak dan juga orang-orang di Semenanjung, dengan harapan ianya dapat mengurangkan beban para pengguna bila ianya berfungsi sepenuhnya tetapi keadaan tarif dan juga kekerapan putus bekalan tenaga terus berlaku. Ini kita rasa memang kurang menyenangkan. Dan harus diperbetulkan sebelum ianya lebih merugikan rakyat.

Oleh yang demikian, besarlah harapan kami apalah kiranya proses mengambil alih SESCO oleh Kerajaan Pusat itu disegerakan untuk mengelakkan beban dan meluaskan lagi perkhidmatannya ke kawasan luar bandar. Bukan saya katakan kawasan luar bandar tidak menikmati kemudahan elektrik, tetapi hanya sekadar melepas batuk ditangga sahaja, dengan membekalkan generator set di mana yang menjadi satu beban sahaja kepada orang-orang kampung ketika mana menghadapi kerosakan dan kurang daya kuasa untuk memberi perkhidmatan di sepanjang waktu.

Tenaga hydro itu bagi kami di luar bandar di mana talian kabel merintasi kampung-kampung kami sebagai kata pujangga, biar dekat tetapi jauh, mana tidaknya, kampung di sekitar tenaga dan talian itu masih lagi bergelap dan ada juga setengah kampung yang menggunakan janakuasa diesel. Dengan keadaan yang demikian sampai bilakah kami di luar bandar Sarawak terutama di Bahagian Ketiga, Keenam, Kedua dan Pertama Sarawak akan merasai nikmat perbekalan elektrik dan hydro itu dan bilakah Kerajaan pusat akan mengambil alih SESCO Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, bila disebut sahaja Proton Saga, semua rakyat Malaysia akan mendabik dada mengatakan itu kereta buatan kita. Maka sudah tentu nalurinya untuk merasa buatan tempatan itu lebih kerana mungkin harganya di dalam lingkungan jangkawan semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup, esok boleh sambung.

Tuan Lainus Anak Andrew Luwak:
Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan hingga jam 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.